

BAB EMPAT

TADHKIR DAN TA'NITH  
KATA KERJA UNTUK PELAKU  
MU'ANNATH YANG SAMA  
DALAM AL-QURAN

## BAB EMPAT

### TADHKIR DAN TA'NITH KATA KERJA UNTUK PELAKU MU'ANNATH YANG SAMA DALAM AL-QURAN

#### 4.0 Pendahuluan

Muhammad Abd al-Khāliq Adīmat telah membuat kajian terperinci serta menghimpunkan ayat-ayat Al-Quran yang telah ditadhkirkkan dan dita'nithkan kata kerjanya dengan pelaku mu'annath.<sup>1</sup> Perinciannya adalah seperti yang terdapat di dalam kedua-dua jadual di bawah :

- (a) Tempat-tempat tadhkir kata kerja.

JADUAL 1

PERKARA	BIL.
a. Tadhkir kata kerja dengan pelaku mu'annath majāziy .	57
b. Tadhkir kata kerja dengan pelaku jam <sup>c</sup> taksir .	65
c. Tadhkir kata kerja dengan pelaku jam <sup>c</sup> mu'annath sālim .	15
d. Tadhkir kata kerja dengan pelaku ism jam <sup>c</sup> .	56
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>	<b>193</b>

<sup>1</sup> Muhammad Abd Khāliq Adīmat Dirāsāt li Uslūb Al-Qur'ān.Bahagian 3.Hal. 488.

(b) Tempat-tempat ta'nīth kata kerja:

JADUAL 2

PERKARA	BIL.
a. Ta'nīth kata kerja dengan pelaku mu'annath majāziy yang bersambung antara kedua-duanya.	147
b. Ta'nīth kata kerja dengan mu'annath majāziy yang terpisah antara kedua-duanya.	122
c. Ta'nīth kata kerja dengan pelaku jam <sup>c</sup> taksīr secara bersambung.	158
d. Ta'nīth kata kerja dengan pelaku jam <sup>c</sup> taksīr secara terpisah.	106
e. Ta'nīth kata kerja dengan pelaku jam <sup>c</sup> mu'annath sālim.	40
f. Ta'nīth kata kerja dengan pelaku ism jam <sup>c</sup> .	44
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>	<b>617</b>

Berpandukan data-data di atas , penulis telah membuat perbandingan di antara ayat-ayat tadhkīr dan ta'nīth. Kemudiannya, penulis mengeluarkan sebanyak sembilan perkataan mu'annath yang menjadi pelaku yang sama kepada sembilan kata kerja kala lampau yang disebut dalam dua bentuk iaitu secara ta'nīth dan tadhkīr.

Lantaran itu, bab ini akan memfokuskan perbahasan terhadap penggunaan tadhkir dan ta'nith sembilan kata kerja yang sama kata akarnya dengan sembilan pelaku yang sama iaitu enam perkataan mu'annath majāziy, satu perkataan jam<sup>c</sup> taksīr, satu perkataan jam<sup>c</sup> mu'annath sālim dan satu perkataan ism jam<sup>c</sup>.

#### 4.1 Pelaku Mu'annath Majāziy

Terdapat enam pelaku mu'annath majāziy yang kata kerjanya ditadhkir dan dita'nithkan di dalam Al-Quran. Perkataan-perkataan tersebut ialah :

##### 4.1.1 Perkataan Şaihat (صَحِّيْهٌ) dan kata kerja Akhadha.

Perkataan (صَحِّيْهٌ) telah disebut di dalam Al-Quran sebanyak enam kali dengan kata kerja akhadha (أَخْدَى). Di dalam keenam-enam ayat tersebut kata kerja (أَخْدَى) telah ditadhkirkan hanya sekali sahaja manakala lima kali yang lain kata kerja tersebut telah dita'nithkan. Ayat-ayat tersebut ialah :

- 1- Ayat yang pertama ialah firman Allah s.w.t. di dalam surah Hūd ayat 67 iaitu :

وَأَخْدَى الَّذِينَ ظَلَمُوا الصَّيْحَةُ فَاصْبَرُوا فِي دِيَارِهِمْ حَالِمِينَ

Terjemahannya : "Dan orang-orang yang zalim itu ditimpah satu pekikan, lalu mereka mati terbaring di dalam rumah mereka".

2- Ayat yang kedua ialah firman Allah s.w.t. di dalam surah Hûd ayat 94 iaitu:

وَأَخْذَنَا الَّذِينَ ظَلَمُوا الصِّيَحَةَ فَأَصْحَوْنَا فِي دِيَارِهِمْ حَاتِيْنَ

Terjemahannya : "Dan orang-orang yang zalim itu ditimpa satu pekikan, lalu mereka terbaring dalam rumah mereka".

3- Ayat yang ketiga ialah firman Allah s.w.t. di dalam surah al-Ankabût ayat 40 iaitu :

وَمِنْهُمْ مَنْ أَخْذَنَا الصِّيَحَةَ ثُمَّ نَهَمْ مَنْ حَسَّفْنَا بِهِ الْأَرْضَ وَمِنْهُمْ مَنْ أَغْرَقْنَا

Terjemahannya : "dan ada yang dibinasakan dengan satu pekikan (yang menggemparkan bumi); dan ada yang Kami timbuskan dia di bumi; dan ada pula yang Kami tenggelamkan (di laut.)"

4- Ayat yang keempat ialah firman Allah s.w.t. di dalam surah al-Hijr ayat 73 iaitu :

فَأَخْذَنَاهُمُ الصِّيَحَةَ مُشَرِّقِينَ

Terjemahannya : "Akhirnya mereka pun dibinasakan oleh satu pekikan (suara yang menggemparkan bumi), ketika matahari terbit."

5- Ayat yang kelima ialah firman Allah s.w.t. di dalam surah al-Hijr ayat 83 iaitu :

فَأَخْذَنَاهُمُ الصِّيَحَةَ مُصْبِحِينَ

Terjemahannya : "Meskipun demikian, mereka dibinasakan juga oleh satu pekikan (suara yang menggemparkan pada bumi) waktu pagi."

6- Ayat yang keenam ialah firman Allah s.w.t. di dalam surah al-Mu'minūn ayat 41 iaitu :

**فَأَخْذُوهُمُ الصَّيْحَةَ** بِالْحَقِّ فَجَعَلْنَاهُمْ عَثَاءً بَعْدَ لِلْقَوْمِ الظَّالِمِينَ

Terjemahannya : "Akhirnya mereka dibinasakan oleh satu pekikan (suara yang menggemparkan bumi), dengan benar (lagi adil), lalu Kami jadikan mereka sebagai sampah sarap (yang dihanyutkan oleh banjir). Maka kebinasaanlah kesudahannya bagi kaum yang zalim itu."

Di dalam surah Hūd sebanyak dua kali kata kerja (أَخْذَ) dan pelakunya (صَنَيْحَةٌ) disebut. Kedua-dua kata kerja telah disebut dalam konteks yang sama dan dalam surah yang serupa. Apabila dibandingkan kedua-dua ayat di atas , maka perkataan yang menjadi pelaku adalah sama iaitu (الصَّيْحَةُ) , manakala kata kerja ayat pertama ialah (أَخْذَ) telah ditadhibkan dan kata kerja ayat kedua pula (أَخْذَتْ) telah ditanhkan. Di samping itu terdapat di antara kata kerja dan pelaku pemisah yang sama juga iaitu ayat (الَّذِينَ ظَلَمُوا) di dalam pola ayat yang tetap sama.

Jadi, persoalan yang timbul ialah kenakah tidak terdapat tā' ta'nīth pada kata kerja ayat pertama, sedangkan terdapat tā' ta'nīth pada kata kerja ayat kedua ? dan apakah perbezaan kedua-dua ayat ini daripada aspek makna ?.

<sup>6</sup> Abd al-Rahmān al-Anbāriy telah merujukkan persoalan tadhkir kata

kerja ( أَخْذَ ) dalam ayat Hūd : 67 kepada tiga sebab iaitu :<sup>1</sup>

- (a) Terdapatnya pemisah di antara kata kerja dan pelaku dengan objek iaitu ayat (الَّذِينَ ظَلَمُوا).
- (b) Perkataan (الصَّيْحَةُ) adalah mu'annath majāziy.
- (c) Penggunaan tadhkir kata kerja (أَخْذَ) kerana perkataan (الصَّيْحَةُ) ditakwilkan dengan perkataan (صِبَاحٌ).

Pendapat yang sama juga diberikan oleh Al-Fakhrurrāziy bahawa sebab disebut kata kerja (أَخْذَ) bukannya (أَخَذْتُ) kerana perkataan (الصَّيْحَةُ) ditakwilkan dengan makna (صِبَاحٌ) di samping terdapatnya pemisah di antara kata kerja dan pelaku. Oleh itu, pemisah ini menjadi ganti kepada tā' ta'nīth.<sup>2</sup>

Ibn Zubayr pula berpendapat bahawa pengguguran tā' adalah lebih elok dan sesuai pada kata kerja yang pelakunya mu'annath majāziy di samping terdapatnya pemisah di antara kata kerja dan pelaku. Oleh kerana kata kerja tersebut telah ditadhibkan pada kali pertama maka ia dita'nīthkan pula pada kali kedua. Jadi, kedua-dua bentuk penggunaan ini telah disebut

<sup>1</sup> Abd al-Rahmān al-Anbāriy. Al-Bayān fi Gharib Al-Qur'ān. Jil. 2 Hal. 20.

<sup>2</sup> Al-Fakhrurrāziy. Tafsīr al-Kabīr (Maṣāṭīḥ al-Ghaib). Jil. 18. Hal. 210.

dalam Al-Quran dalam satu surah yang sama , maka tentulah didahulukan penggunaan yang lebih elok .<sup>1</sup>

Al-Sayūtiy menjelaskan sebab ditadkirkan kata kerja yang disandarkan kepada perkataan (الصَّيْحَةُ) ialah kerana ia bermakna (صِيَاحٌ) dan ta'ñithnya adalah tidak haqiqiy. Pengguguran tā' pada kata kerja mu'annath tidak haqiqiy adalah baik dengan adanya pemisah, jika semakin bertambah pemisah maka semakin elok tadkir kata kerja ayat tersebut.

Di sini, hukum tadkir dan ta'ñith kata kerja adalah harus seperti yang disebut pada surah Hūd ayat 67 secara tadkir dan pada surah Hūd ayat 94 secara ta'ñith . Dengan menghimpunkan kedua-dua penggunaan dalam satu surah dan mendahulukan bentuk yang pertama menunjukkan ianya adalah lebih baik sebagaimana yang sepatutnya.<sup>2</sup>

Meneliti pandangan-pandangan yang dibentangkan di atas, jelaslah bahawa para ulama telah mengemukakan tiga alasan sintaksis terhadap persoalan yang ditimbulkan berkaitan dengan kedua-dua ayat tersebut iaitu :

- (a) Perkataan (الصَّيْحَةُ) adalah mu'annath majāziy.
- (b) Ditakwilkan dengan perkataan (صِيَاحٌ).
- (c) Terdapat pemisah antara kata kerja dan pelaku.

<sup>1</sup> Dipetik dari : "Audatullāh Manī" al-Qaisiy. Sir al-I'jāz fi Tanawwu' al-Šiyagh al-Musytaqqat min Asl Lughawiy Wāhid fi Al-Qur'ān. Hal. 45-46.

<sup>2</sup> Al-Sayūtiy. Mu'tarak al-Aqrān fi I'jāz Al-Qur'ān. Jil. 3. Hal. 292.

Ketiga-tiga sebab yang dinyatakan di atas, jika dikaji dengan teliti masih boleh dibahaskan seperti sebab pertama dan kedua. Walaupun terdapat pemisah dan perkataan <sup>وَ</sup>(الصِّيْحَةُ) adalah mu'annath majāzi tetapi masih ada perbezaan pada kata kerja kedua-dua ayat tersebut, yang satu ditadkirkan dan yang satu lagi pula dita'nithkan. Kenapakah perbezaan ini masih berlaku di dalam kedua-dua ayat tersebut?. Adakah perbezaan itu semata-mata disebabkan oleh alasan sintaksis atau ada sebab dan rahsia lain di sebaliknya.

Sebab ketiga yang mengharuskan penggunaan tadhkir berdasarkan makna perkataan <sup>وَ</sup>(الصِّيْحَةُ) boleh dibahaskan juga dengan melontarkan persoalan seperti kenapakah ditakwilkan makna perkataan <sup>وَ</sup>(الصِّيْحَةُ) dengan <sup>وَ</sup>(صِبَاحُ ) dalam ayat pertama sedangkan perkataan <sup>وَ</sup>(الصِّيْحَةُ) pada ayat kedua tidak ditakwilkan begitu . Apakah tidak boleh kedua-dua perkataan ini ditakwilkan dengan makna( صِبَاحُ ) yang sekaligus mengharuskan penggunaan tadhkir kata kerja di dalam kedua-dua ayat tersebut?. Kenapakah hanya ayat pertama sahaja dilakukan takwil sedemikian sedangkan kedua-dua pola ayat adalah hampir sama kecuali yang membezakannya adalah tā' ta'nīth pada kata kerja.

Berbalik kepada pandangan **Ibn Zubayr** mengenai pemisah adalah ganti kepada tā' ta'nīth , maka bolehlah diajukan soalan kenapakah pemisah itu hanya menggantikan tā' ta'nīth pada ayat pertama dan tidak pada ayat

kedua? Sedangkan kedua-dua ayat tersebut mempunyai lafaż pemisah yang sama iaitu (الذين ظلموا).

Manakala pandangan beliau yang mengatakan penggunaan tadhkir kata kerja (gugur ta' ta'nith) sebagai penggunaan yang lebih elok di dalam Al-Quran masih boleh dibahaskan kerana tidak sepatutnya terdapat di dalam Al-Quran dua penggunaan yang pertamanya lebih elok manakala yang keduanya pula kurang elok sedikit .

Al-Quran adalah kitab Allah dan mukjizat teragung Nabi Muhammad s.a.w. yang sempurna serta sentiasa menggunakan penggunaan yang lebih elok pada setiap ayat-ayatnya. Dalam ertikata lain, kedua penggunaan ini (tadhkir dan ta'nith kata kerja) adalah amat elok dan sesuai berlandaskan tempat dan kedudukannya tersendiri . Justeru itu, tentulah ada jawapan dan sebab lain yang lebih tepat serta memuaskan.

Sehubungan dengan ini, "Audatullāh Manīc al-Qaisiy menjelaskan bahawa penggunaan tadhkir dan ta'nith kata kerja di dalam kedua-dua ayat di atas dari segi bahasa, hukumnya adalah harus bahkan yang lebih elok adalah penggunaan ta'nith. Alasannya adalah sama sahaja seperti yang telah dibentangkan secara panjang lebar sebelum ini . Ketiga-tiga alasan tersebut memang tidak dipertikaikan kesahihannya apatah lagi jika ia berlaku di dalam percakapan dan penulisan manusia.

Namun, apabila berurusan dengan Al-Quran, maka alasan sebegini tidak cukup memadai kerana sesuatu perkataan yang terdapat di dalam Al-Quran sama ada kata kerja ,kata nama maupun huruf mempunyai fungsinya tersendiri dan tidak ada perkataan lain yang boleh menggantikan tempatnya. Kalau tidak, maka bolehlah dibuang atau ditambah mana-mana perkataan pada bila-bila masa seperti penambahan atau pengguguran tā' ta'nīth.

Punca atau alasan kenapa berlakunya tadhkīr dan ta'nīth kata kerja dalam ayat-ayat tersebut ialah kerana bentuk-bentuk perkataan sama ada mu'annath atau mudhakkār terpengaruh dengan konteks ( سياق ) ayat secara keseluruhannya. Jika konteks ayat adalah mudhakkār maka perkataan mudhakkār yang dipilih dan begitulah jika konteks ayat adalah mu'annath maka perkataan mu'annath yang dipilih.

Justeru itu, di dalam ayat pertama kata kerja (أَخْدَى) telah didahului oleh empat perkataan mudhakkār pada ayat sebelumnya iaitu , (هُوَ) , (رَبُّكَ) (الْعَزِيزُ) dan (الَّذِينَ) seperti firman Allah s.w.t. dalam surah Hūd ayat 67 :

فَلَمَّا جَاءَ أَمْرُنَا نَحْيَنَا صَالِحِينَ وَالَّذِينَ عَامَّوْنَا مَعْنَى بِرَحْمَةٍ مِّنْنَا وَمِنْ خِزْنِيْ يَوْمَئِذٍ إِنَّ رَبَّكَ

هُوَ الْقَوِيُّ الْعَزِيزُ. وَلَمَّا حَدَّ الَّذِينَ ظَلَّمُوا الصَّيْحَةُ فَاصْبَحُوا فِي دِيَارِهِمْ جَاثِمِينَ

Terjemahannya : "Dan setelah datang keputusan Kami, Kami selamatkan Nabi Shāleh a.s. bersama dengan orang-orang yang beriman

dengannya, dengan kurnia dari Kami, dan (Kami selamatkan) dari kehinaan di hari itu. Sesungguhnya Tuhan engkau itu Maha Kuat dan Maha Perkasa. Dan orang-orang yang zalim itu ditimpak satu pekikan (suara yang gemuruh), lalu mereka terbaring (mati) dalam rumahnya".

Manakala pada ayat yang kedua, terdapat tā' ta'nīth pada kata kerja (أَخْتَنْتُ) kerana telah didahului oleh satu perkataan mu'annath iaitu perkataan (رَحْمَةً) seperti firman Allah s.w.t. dalam surah Hūd ayat 94 :

وَكُلُّمَا جَاءَ أَمْرًا نَّاهِيَا وَكُلُّمَا شَعِيبًا وَالَّذِينَ عَامَنُوا مَعَهُ بِرَحْمَةٍ مِّنْنَا وَأَخْتَنْتُ الَّذِينَ

ظَلَمُوا الصَّيْحَةَ فَاصْبَحُوا فِي دِيَارِهِمْ حَاتِمِينَ

Terjemahannya : "Dan setelah datang keputusan Kami, Kami selamatkan Nabi Syu'aib a.s. bersama orang-orang yang beriman dengannya dengan rahmat kami , orang-orang yang zalim itu ditimpak satu pekikan (suara yang gemuruh), lalu mereka terbaring dalam rumah mereka".

Penjelasan yang diberikan oleh "Audatullāh Manī" al-Qaisiy adalah berdasarkan aspek konteks umum sesuatu ayat yang menunjukkan adanya pertautan rapat dan keseragaman antara setiap perkataan-perkataan yang digunakan di dalam ayat Al-Quran. <sup>1</sup>

<sup>1</sup> "Audatullāh Manī" al-Qaisiy. Sir al-l'jāz fi Tanawwūl al-Shiyagh al-Musytaqqat min Aṣl Lughawiy Wāhid fi Al-Qur'ān. Hal. 45-46

Selanjutnya, dari aspek makna al-Suhailiy memberikan pandangan beliau bahawa penggunaan tadhkir kata kerja dalam kisah kaum Nabi Sāleḥ a.s. ( ayat 67 ) kerana perkataan ( الصَّيْحَةُ ) memberi makna ( العَذَابُ ) dan ( الْخِزْيُ ) sebagaimana ia telah disebut secara tersusun di dalam firman Allah s.w.t. sebelum itu iaitu ( وَمِنْ خَزْيٍ يَوْمَئِنَ رَبَّكَ هُوَ الْقَوِيُّ الْعَزِيزُ ) maka jadilah makna ( الصَّيْحَةُ ) kehinaan ( الْخِزْيُ ) sebagai azab yang dijanjikan. Oleh itu, tentulah penggunaan tadhkir adalah sesuai sekali berbeza dengan kisah Nabi Syū'aib a.s. ( ayat 94 ) yang tidak menyebut langsung perkataan tersebut ( azab ).<sup>1</sup>

Pandangan di atas bertepatan dengan sepotong ayat lain yang menggunakan perkataan ( العَذَابُ ) ( الصَّيْحَةُ ) yang menimpa kaum Nabi Sāleḥ a.s. , firman Allah s.w.t. dalam surah al-Syū'arā' ayat 158 :

فَأَخَذَهُمُ الْعَذَابُ إِنْ فِي ذَلِكَ لَا يَهُدُّ وَمَا كَانُوا أَكْثَرُهُمْ مُؤْمِنِينَ

Terjemahannya : "Lalu mereka ditimpa azab (yang membinasakan). Sesungguhnya peristiwa yang demikian mengandungi satu tanda (yang membuktikan kekuasaan Allah s.w.t.); dan dalam pada itu, kebanyakan mereka tidak juga mahu beriman " "

<sup>1</sup> Ibn al-Qayyim al-Jauziyyat, Badā'i' al-Fawā'id, Jl. I, Hal. 126.

Menurut Ibn al-Qayyim perkataan (الصَّيْحَةُ) membawa dua makna yang pertama ialah kata nama sumber (المَصْدَرُ) dengan makna (جَسِيَّحٌ) yang sesuai digunakan secara tadhkir. Manakala makna yang keduanya ialah satu daripada kata nama sumber (الوَاحِدَةُ مِنَ الْمَصْدَرِ) yang sesuai digunakan secara ta'nīth.

Berkaitan dengan peristiwa kemusnahan kaum Nabi Syu'aib a.s., maka beliau menjelaskan tentulah lebih elok perkataan (الصَّيْحَةُ) disebut bersama (الرَّجْفَةُ) dan (الظَّلَّةُ) jika dibandingkan perkataan (الصَّيْحَةُ) yang sekaligus menunjukkan bahawa penggunaan ta'nīth kata kerja pada ayat ini ( ayat 94 ) amat sesuai sekali digunakan .<sup>1</sup>

Allah s.w.t. telah menceritakan bentuk-bentuk azab yang menimpa kaum Nabi Syu'aib a.s. dengan tiga perkara yang kesemuanya terdiri daripada perkataan-perkataan mu'annath belaka iaitu :

(a) Perkataan (الرَّجْفَةُ) ertinya gempa.

Firman Allah s.w.t dalam surah al-A'rāf ayat 91 :

فَأَخْذَنَاهُمُ الرَّجْفَةُ فَأَصْبَحُوا فِي كَارْهَمْ جَانِبِينَ

Terjemahannya : "Maka mereka ditimpa oleh gempa, lalu menjadilah mereka mayat-mayat yang tersungkur di tempat masing-masing."

<sup>1</sup> Ibn al-Qayyim al-Jauziyyat Badā'i' al-Fawā'id. Jl. 1. Hal.126.

- (b) Perkataan (الظلة) ertiya awan mendung.

Firman Allah s.w.t dalam surah al-Syu'arā' ayat 189 :

فَكَذَّبُوهُ فَأَخْذَهُمْ عَذَابٌ يَوْمَ الْطَّلْقَيَةِ كَانَ عَذَابُ يَوْمٍ عَظِيمٍ

Terjemahannya : "Maka mereka tetap juga mendustakannya, lalu mereka ( kaum Nabi Syu'aib a.s. ) ditimpa azab seksa hari awan mendung; sesungguhnya kejadian itu adalah merupakan azab seksa hari yang amat besar (huru-haranya)."

- (c) Perkataan (الصَّيْحَةُ) ertiya satu pekikan

Firman Allah s.w.t. s.w.t. dalam surah Hūd ayat 94 :

وَأَنْجَدَتِ الْذِينَ ظَلَمُوا الصَّيْحَةُ

Terjemahannya : "dan orang-orang yang zalim itu ditimpa oleh satu pekikan (suara yang menggemparkan bumi)".

Inilah ketiga-tiga bentuk azab yang menimpa kaum Nabi Syu'aib a.s. bermula dengan (الرَّجْفَةُ) yang menyebabkan berlakunya kepanasan yang amat sangat, tidak ada minuman yang menghilangkan haus dahaga, tidak ada perlindungan yang boleh menghalang kepanasan tersebut akhirnya mereka lari meninggalkan rumah-rumah mereka dan keluar dari kampung mereka dengan segera, lantas mereka melihat awan mendung (الظلة),

yang disangkakan boleh melindungi mereka dari panas terik, namun apabila sahaja kesemua mereka berkumpul di bawah awan tersebut, maka Allah s.w.t. melontarkan dari celah-celah awan mendung panahan-panahan berapi yang menyiksakan mereka dan dalam keadaan hiruk pikuk itulah datangnya satu pekikan (الصَّيْحَةُ) yang menghancurkan dan memusnahkan mereka tanpa mereka sedari apa yang berlaku.<sup>1</sup>

Jadi penggunaan ta'nhīth kata kerja (أخذت) adalah amat tepat sekali kerana pelakunya perkataan (الصَّيْحَةُ) adalah satu daripada kata nama sumber yang bermaksud satu pekikan yang berlaku sekali dalam peristiwa kemasuhan kaum Nabi Syū'aib r.a. Malah Ibn al-Kathīr sendiri dalam persoalan ini telah menyatakan bahawa azab yang menimpa kaum Nabi Syū'aib a.s. iaitu (الرُّجْفَةُ) disebut dalam surah Hūd, (الظَّلَّةُ) disebut dalam surah al-'A'rāf dan (الصَّيْحَةُ) dalam surah al-Syū'aarā' adalah berdasarkan konteks yang sesuai pada tempatnya.<sup>2</sup>

Di dalam surah al-'A'rāf ketika pemuka-pemuka kaum Nabi Syū'aib a.s. berkata seperti yang terdapat dalam firman Allah s.w.t. al-'A'rāf ayat 88 :

قَالَ الْمَلَائِكَةُ إِنَّ رَبَّكُمْ أَعْلَمُ بِأَهْلِ الْأَرْضِ فَلَا يَرْجُوا مِنْ

فَرَبِّنَا أَوْ لَغَدُونَ فِي مِلَّتِنَا قَالَ أَوْلَوْ كُنَّا كَارِهِينَ

<sup>1</sup> Muhammad Aḥmad Jād Maulā. Qiṣṣat al-Qur'ān . Hal. 112.

<sup>2</sup> Ibn al-Kathīr. Tafsīr Ibn al-Kathīr. Jil. 2. Hal. 223

Terjemahannya : "Ketua-ketua yang sompong takbur dari kaumnya (Nabi Syu'aib a.s.) berkata: "Sesungguhnya kami akan mengusirmu wahai Syu'aib dan orang-orang yang beriman yang menjadi pengikut-pengikutmu dari negeri kami ini, atau kamu kembali kepada agama kami". Dia (Nabi Syu'aib a.s.) menjawab " : Adakah (kamu hendak melakukan yang demikian) sekalipun kami tidak menyukainya "?

Dengan ucapan ketua-ketua kaum Nabi Syu'aib bahawa sesungguhnya mereka akan mengusirkan Nabi Syu'aib a.s. dan orang-orang beriman bersama dengannya daripada kampung halaman mereka, maka sesuailah perkataan (الرُّجْفَةُ ) yang digunakan kerana bumi dan kampung halaman yang mereka berhasrat untuk mengusir Nabi Syu'aib a.s. dari mendiaminya menggegarkan mereka sendiri, akhirnya merekaalah yang terpaksa keluar darinya kerana kepanasan.

Kemudian di dalam surah Hūd apabila mereka begitu biadap sekali berbicara dengan Nabi Syu'aib a.s. sehingga sanggup mengeluarkan kata-kata seperti firman Allah s.w.t. dalam surah Hūd ayat 87 :

قَالُوا يَا شَيْطَنُ أَصْلَاثُكَ أَنْ تَأْمِنَكَ أَنْ تَبْعِدَ آبَاؤُكَ أَوْ أَنْ تَفْعَلَ

فِي أَمْوَالِنَا مَا نَشَاءُ إِنَّ لَكُمُ الْحَلِيمُ الرَّشِيدُ

Terjemahannya : "Mereka berkata: "Wahai Syu'aib! Adakah sembahyangmu (yang banyak itu) menyuruhmu supaya perintahkan kami agar meninggalkan apa yang disembah oleh datuk nenek kami, atau supaya

*kami lakukannya apa yang kami suka melakukannya dalam menguruskan harta kami? Sesungguhnya engkau (wahai Syu'aib a.s.) adalah orang yang penyabar, lagi bijak berakal (maka bagaimana pula engkau menyuruh kami melakukan perkara yang bertentangan dengan kebiasaan kami)?"*

Akibat dari keceluparan mulut mereka maka datanglah (الصيحة<sup>2</sup>) yang menutup mulut dan mendiamkan mereka selama-lamanya . Begitu juga di dalam surah al-Syu'arā' apabila mereka telah mencabar Nabi Syu'aib a.s. dengan ucapan mereka seperti yang terdapat dalam firman Allah s.w.t. :

فَأَسْقِطْ عَلَيْنَا كِسْفًا مِنْ السَّمَاءِ إِنْ كُنْتَ مِنَ الصَّادِقِينَ

Terjemahannya : "Oleh itu, gugurkanlah atas kami ketul-ketul (yang membinasakan) dari langit, jika betul engkau dari orang-orang yang benar!"

Lantaran dari cabaran inilah, maka Allah s.w.t. mendatangkan azab yang berbentuk awan mendung (الظلل<sup>3</sup>) yang mengandungi azab siksa setimpal dengan kejahatan mereka .

Seterusnya, Ibn Kathīr menyatakan bahawa inilah sebahagian daripada contoh-contoh rahsia-rahsia keistimewaan dan keunikan uslūb Al-Quran dalam memilih perkataan-perkataan yang digunakan.<sup>1</sup>

Kesimpulannya , di samping ketiga-tiga alasan yang kebiasaannya dikemukakan dalam permasalahan ini , penulis lebih cenderung dengan

<sup>1</sup>Ibn al-Kathīr. Tafsīr Ibn al-Kathīr. Jil. 2. Hal. 223.

alasan yang dikemukakan oleh "Audatullāh Manī" al-Qaisiy dari segi konteks umum ayat dan begitu juga alasan yang diutarakan oleh al-Sayūti dari segi maknanya amat tepat dan elok sekali kerana kedua-dua alasan ini menyerlahkan kehebatan dan keagungan Al-Quran al-Karim. Inilah juga merupakan sebahagian daripada contoh-contoh rahsia-rahsia keistimewaan dan keunikan uslūb Al-Quran dalam memilih huruf-huruf yang digunakan.

#### 4.1.2 Perkataan mau'izat (مَوْعِظَةٌ) dan kata kerja Jā'a

Kata kerja (جَاءَ) dan pelakunya (مَوْعِظَةٌ) telah disebut sebanyak dua kali di dalam Al-Quran . Kali pertama kata kerja tersebut ditadkirkan manakala pada kali kedua dita'nīthkan . Kedua-dua ayat tersebut ialah :

1- Ayat pertama ialah firman Allah s.w.t. dalam surah al-Baqarat ayat 275 :

فَمَنْ جَاءَهُ مَوْعِظَةٌ مِّنْ رَبِّهِ

Terjemahannya : "Oleh itu sesiapa yang telah sampai kepadanya nasihat pengajaran dari Tuhanmu".

2- Ayat kedua ialah firman Allah s.w.t. dalam surah Yūnus ayat 57 :

قَدْ جَاءَتْكُمْ مَوْعِظَةٌ مِّنْ رَبِّكُمْ

Terjemahannya : " Sesungguhnya telah datang kepada kamu nasihat pengajaran dari Tuhan kamu".

Apabila dibandingkan kedua-dua ayat di atas maka akan timbulah persoalan utama iaitu kenapakah kata kerja (جاء) dalam ayat pertama tidak ditadkirkan sedangkan kata kerja (جاء) pada ayat kedua telah ditanikkan menjadi (جاءت) walaupun pelaku bagi kedua-dua kata kerja di atas adalah perkataan yang serupa iaitu (موقعته)?.

Al-Zamakhsyariy berpendapat bahawa tadhkir kata kerja (جاء) pada ayat pertama ialah kerana ta'nīth perkataan (موقعته) adalah tidak haqiqiy dan maknanya ditakwilkan dengan perkataan mudhakkār iaitu (وَعْطَهُ), maka tadhkir kata kerja dalam ayat ini adalah lebih elok daripada ta'nīth.<sup>1</sup>

Al-Sayūtiy berpendapat bahawa sebab gugurnya tā' daripada kata kerja (جاء) adalah kerana adanya pemisah di antara kata kerja dan pelaku iaitu kata gantinama (هـ). Di samping itu perkataan (موقعته) adalah mu'annath tetapi maknanya adalah mudhakkār.<sup>2</sup>

Mahmūd ḤAbd al-ḤAzīm Ṣafā menerangkan sebab penggunaan tadhkir kata kerja (جاء) di sini ialah berdasarkan aspek makna

<sup>1</sup> Al-Zamakhsyariy. Tafsīr Al-Kasysyāf Jil. 1. Hal. 400.

<sup>2</sup> Al-Sayūtiy. Muṭarak al-Aqrān fi l-Jāz Al-Qur'ān. Jil. 1. Hal. 261.

perkataan (مُوعِظَةٌ) yang bukan sahaja bermaksud ucapan nasihat bahkan antara maksudnya juga ialah rasūl dan kitāb.<sup>1</sup>

Setelah meneliti kupasan-kupasan di atas ternyata bahawa sebab kenapa kata kerja (جاء) tidak ditadhibkan adalah tidak dapat lari daripada tiga sebab seperti yang telah dibincangkan oleh para ulama nahu iaitu :

- (a) Perkataan (مُوعِظَةٌ) adalah mu'annath majāziy.
- (b) Terdapat pemisah di antara kata kerja (جاء) dan pelakunya perkataan (مُوعِظَةٌ) dengan kata gantinama (هـ),
- (c) Perkataan (مُوعِظَةٌ) boleh ditakwilkan dengan perkataan mudhakkār iaitu (وَعْظٌ).

Namun, ketiga-tiga alasan ini masih tidak mencukupi dan kurang memuaskan kerana ianya boleh diaplikasikan kepada ayat kedua . Contohnya sebab pertama, jika diperhatikan ayat kedua terdapat juga pemisah di antara kata kerja (جاءت) dan pelakunya (مُوعِظَةٌ) iaitu kata ganti (كُم) namun ta' tetap kekal memasuki kata kerja (جاءت). Manakala perkataan (مُوعِظَةٌ) dalam ayat kedua ini adalah mu'annath majāziy dan begitulah juga ia boleh ditakwilkan kepada maksud mudhakkār seperti ayat pertama. Justeru itu apakah yang membezakan kedua-dua ayat tersebut?. Di manakah letaknya kelainan atau keistimewaan kedua-dua ayat Al-Quran di atas?.

---

<sup>1</sup>Mahmūd c Abd al- c Azīm Ṣafā. Uslub al-Tagħlib. Hal. 123.

Berkaitan dengan persoalan ini, penulis mendapati <sup>‘</sup>Audatullāh Manīc al-Qaisiy tidak membincangkan penggunaan tadhkīr dan ta’ñīth kata kerja ( جاء ) dengan pelakunya perkataan ( مُنْعَظَةٌ ) di dalam kitab beliau “Sir al-l’jāz fi Tanawwu’ al-Musytaqqat min Aṣl Lughawiy Wahid fi Al-Qur’ān”. Perbincangan beliau hanya menyentuh kata kerja ( جاء ) dengan tiga pelaku iaitu perkataan ( الْبَيْنَتُ ) , ( الْمُسْلِمُ ) dan ( الْمُسْلِكُ ) sahaja.

Walaupun begitu pendekatan dan penyelesaian yang beliau ketengahkan amat sesuai sekali dengan persoalan yang dibangkitkan kerana menurut beliau sebab atau alasan kenapa berlakunya penggunaan tadhkīr dan ta’ñīth kata kerja ayat-ayat tersebut ialah disebabkan pengaruh konteks ayat secara keseluruhannya. Maksudnya ialah jika konteks ayat adalah mu’annath maka perkataan mu’annathlah yang diutamakan dan begitulah sebaliknya jika konteks ayat adalah mudhakkār maka perkataan mudhakkārlah yang didahulukan.

Kebenaran pendapat ini terbukti apabila didapati bahawa kata kerja ( جاء ) yang ditadzhkirkan telah disebut dalam konteks mudhakkār seperti firman Allah s.w.t. dalam surah al-Baqarāt ayat 275 :

ذَلِكَ بِأَنَّهُمْ قَالُوا إِنَّمَا الْبَيْعُ مِثْلُ الرِّبَا وَأَحَلَ اللَّهُ الْبَيْعَ وَحَرَمَ الرِّبَا فَمَنْ حَسِّنَ مَوْعِدَةً مِنْ رَبِّهِ فَإِنَّهُ مَا سَلَفَ وَأَمْرَهُ إِلَى اللَّهِ وَمَنْ عَادَ فَأُولَئِكَ أَصْحَابُ النَّارِ هُمْ فِيهَا خَالِدُونَ.

Terjemahannya : "Yang demikian ialah disebabkan mereka mengatakan: "Bahawa sesungguhnya bermiaga itu sama sahaja seperti riba". Padahal Allah s.w.t. telah menghalalkan berjual-beli (bermiaga) dan mengharamkan riba. Oleh itu sesiapa yang telah sampai kepadanya peringatan (larangan) dari Tuhanya lalu ia berhenti (dari mengambil riba), maka apa yang telah diambilnya dahulu (sebelum pengharaman itu) adalah menjadi haknya, dan perkaranya terserahlah kepada Allah s.w.t.. Dan sesiapa yang mengulangi lagi (perbuatan mengambil riba itu) maka merekalah ahli neraka, mereka kekal di dalamnya."

Terdapat di dalam ayat di atas empat perkataan mudhakkars iaitu (أَمْرُهُ ) dan (رَبِّهِ ) , (الْبَيْعُ ) . Di samping itu terdapat juga lima kata kerja yang disebutkan adalah mudhakkars iaitu (أَحَلَّ ) , ( حَرَمَ ) , ( جَاءَ ) , ( سَلَفَ ) , ( اتَّهَى ) . Oleh kerana ayat ini diselubungi oleh konteks mudhakkars maka sebab itulah kata kerja ( جاءَ ) tidak dita'nithkan, bahkan tentulah amat tidak tepat sekali jika kata kerja ( جاءَ ) dalam ayat ini dita'nithkan.

Manakala kata kerja (جاءت) yang dita'nithkan pada ayat kedua ialah kerana kata kerja ini telah disebut dalam konteks mu'annath sebagaimana firman Allah s.w.t. dalam surah Yūnus ayat 57 :

يَا أَيُّهَا النَّلْٰئِ قَدْ جَاءَكُم مَوْعِظَةٌ مِنْ رَبِّكُمْ وَشِفَاءٌ لِمَا فِي الصُّدُورِ وَرَحْمَةٌ لِلْمُرْسَلِينَ

Terjemahannya : "Wahai umat manusia! Sesungguhnya telah datang kepada kamu (Al-Quran yang menjadi) nasihat pengajaran dari Tuhan kamu, dan yang menjadi penawar bagi (penyakit-penyakit batin) yang ada di dalam dada kamu, dan juga menjadi hidayah petunjuk (untuk keselamatan), serta membawa rahmat bagi orang-orang yang beriman".

Berpandukan ayat di atas maka terdapat tiga perkataan mu'annath iaitu (مَوْعِظَةٌ), (صُدُورٌ), dan (رَحْمَةٌ). Ketiga-tiga perkataan telah membentuk konteks mu'annath yang menyebabkan kata kerja (جاءت) juga dita'nithkan.

Dari aspek makna, jika diteliti pada ayat pertama (al-Baqara' 275) perkataan (مَوْعِظَةٌ) menurut Hūd bin Muḥakkam al-Huwariy bermakna penerangan (البَيِّنُ ) yang ada di dalam Al-Quran mengenai pengharaman riba manakala perkataan (مَوْعِظَةٌ) pada ayat kedua (Yūnus : 57) menurut beliau bermaksud Al-Quran.<sup>1</sup>

<sup>1</sup>Hūd bin Muḥakkam al-Huwariy. Tafsīr Kitabullāh al-Āzīz. Jil. 1. Hal. 25 dan Jil. 2. Hal. 198.

Berdasarkan pandangan beliau seolah-olahnya makna perkataan (مَوْعِظَةٌ) adalah dua perkataan mudhakkar iaitu al-Bayān dan Al-Qur'ān . Sebenarnya penulis bersetuju dengan makna yang pertama tetapi makna yang kedua memerlukan sedikit penelitian yang mendalam. Ini kerana fokus utama ayat yang kedua ialah menceritakan tentang empat tujuan utama (مقاصد) atau empat peranan yang dibawa oleh Al-Quran sendiri dalam membimbing manusia menuju kebahagiaan dunia dan akhirat.

Keempat-empat perkara tersebut tersimpul dalam empat perkataan iaitu (الرَّحْمَةُ), (الْهِدَايَةُ), (الشَّفَاءُ), (الْمَوْعِظَةُ). Tiga daripada empat perkataan ini adalah mu'annath iaitu (الرَّحْمَةُ), (الْهِدَايَةُ), (الْمَوْعِظَةُ).

Al-Marāghiy telah menyebutkan bahawa sesungguhnya ayat ini telah menerangkan bagaimakah kaedah Al-Quran membaiki jiwa-jawa manusia kepada empat perkara iaitu<sup>1</sup>:

(a) Peringatan yang baik (الْمَوْعِظَةُ الْحَسَنَةُ)

Peringatan yang baik dengan cara memberikan khabar gembira dan menakutkan (الْتَّرْغِيبُ وَالْتَّرْهِيبُ) serta mengingatkan mereka dengan perkara-perkara yang melembutkan hati supaya manusia melakukan kebaikan dan meninggalkan kejahatan.

<sup>1</sup> Ahmad Muṣṭafā al-Marāghiy. *Tafsīr al-Marāghiy*. Juz. 11. Hal. 122-123.

(b) Penawar (الشفاء)

Penawar terhadap jiwa daripada penyakit-penyakit syirik, nifāq dan penyakit-penyakit lain yang menyempitkan dada manusia dengan perasaan ragu-ragu terhadap keimanan seperti derhaka, permusuhan, cintakan kezaliman dan bencikan kebenaran serta kebaikan.

(c) Pertunjuk (الهدي)

Pertunjuk kepada jalan yang benar dan yakin serta jauh dari kesesatan di dalam pegangan dan amalan.

(d) Rahmat (رحمة)

Rahmat kepada orang-orang beriman yang memberikan kepada mereka hidayah Al-Quran sehingga melimpahi jiwa-jiwa mereka, dan di antara tanda-tandanya ialah mereka melakukan kebajikan dengan bersungguh-sungguh, membantu orang lain, mencegah kezaliman dan menghalang permusuhan serta penderhakaan.

Kesimpulannya, penggunaan tadhkir kata kerja ( جاء ) pada ayat pertama di sebabkan konteks ayat secara keseluruhan adalah mudhakkar. Begitu juga maksud perkataan ( الموعظة ) ialah ( البَيْان ) yang bermaksud

penerangan tentang pengharaman riba. Perkataan ini adalah mudhakkir maka tentulah amat sesuai sekali kata kerjanya ditadzhkirkan.

Dalam ayat kedua pula kata kerja (جاءت) telah dita'ñithkan kerana kebanyakan perkataan yang terdapat dalam ayat tersebut adalah mu'annath. Di samping itu, maksud perkataan (الموعظة) di sini merujuk kepada salah satu daripada empat peranan yang dibawa oleh Al-Quran seperti yang dihuraikan sebelum ini.

Inilah di antara rahsia-rahsia betapa penggunaan tadhkir dan ta'ñith kata kerja di dalam ayat-ayat Al-Quran begitu teliti dan terperinci yang sekaligus menonjolkan kesempurnaan Al-Quran.

#### 4.1.3 Perkataan al-Bayyinat (البيانة) dan kata kerja Ja'a

Kata kerja (جاء) telah disebut di dalam Al-Quran sebanyak empat kali bersama dengan perkataan (البيانة) yang menjadi pelakunya. Hanya sekali sahaja kata kerja ini ditadzhkirkan dan tiga kali yang lain dita'ñithkan. Ayat-ayat tersebut ialah :

1- Ayat pertama ialah firman Allah s.w.t. dalam surah al-An'ām ayat 157 :

فَقَدْ جَاءَكُمْ بَيِّنَاتٍ مِّنْ رَبِّكُمْ

Terjemahannya : "Sesungguhnya telah datang kepada kamu keterangan (yang cukup) dari Tuhan kamu".

2- Ayat kedua ialah firman Allah s.w.t. dalam surah al-A'raf ayat 73 :

قَدْ جَاءَتْكُمْ بِيَنَّةً مِّنْ رَبِّكُمْ

Terjemahannya : "Sesungguhnya telah datang kepada kamu keterangan (yang nyata sebagai mukjizat) dari Tuhan kamu."

3. Ayat ketiga ialah firman Allah s.w.t. dalam surah al-A'raf ayat 85 :

قَدْ جَاءَتْكُمْ بِيَنَّةً مِّنْ رَبِّكُمْ

Terjemahannya : "Sesungguhnya telah datang kepada kamu keterangan (yang nyata) dari Tuhan kamu".

4. Ayat keempat ialah firman Allah s.w.t. dalam surah al-Bayyinat ayat 4 :

مِنْ بَعْدِ مَا جَاءَتْهُمُ الْبَيِّنَاتُ

Terjemahannya : "...setelah datang kepada mereka keterangan (bukti yang jelas nyata)."

Apabila dibuat perbandingan di antara keempat-empat ayat di atas nescaya akan timbulah persoalan kenapakah digunakan tā' ta'nīth pada tiga pola kata kerja (جَاءَتْ) di dalam ayat kedua, ketiga dan keempat manakala tā' ta'nīth telah digugurkan dari kata kerja (جَاءَ) di dalam ayat pertama sedangkan pelaku kata kerja (جَاءَتْ) dalam keempat-empat ayat di atas adalah perkataan yang serupa iaitu (الْبَيِّنَاتُ)?

Apakah sebab berlakunya penggunaan tadhkir dan ta'nith kata kerja dalam ayat-ayat di atas?. Apakah pula perbezaan yang terdapat di antara penggunaan tadhkir kata kerja di dalam ayat pertama dengan penggunaan ta'nith kata kerja di dalam ayat-ayat kedua, ketiga dan keempat ?.

Berhubung dengan persoalan ini, jika ditinjau dari aspek sintaksis tentulah jawapannya tidak dapat lari dari tiga perkara seperti yang diterangkan tentang ayat-ayat sebelum ini iaitu :

- (a) Perkataan (البينة) adalah mu'annath majāziy.
- (b) Terdapat pemisah di antara kata kerja (جاء) dan pelakunya iaitu perkataan (البينة) dengan kata gantinama (كم).
- (c) Perkataan (البينة) boleh ditakwilkan dengan perkataan mudhakkar iaitu al-kitab (الكتاب).

Namun, ketiga-tiga jawapan di atas masih boleh dibincangkan kerana dua alasan yang pertama boleh diaplikasikan juga pada ayat kedua, ketiga dan keempat . Oleh itu tentulah ada alasan lain yang lebih kukuh yang dapat menjelaskan kelebihan penggunaan tadhkir kata kerja dalam ayat pertama dan kesesuaian penggunaan ta'nith kata kerja dalam ayat kedua, ketiga dan keempat.

Al-Fakhrurrāziy berpendapat bahawa perkataan (البينة) di dalam ayat pertama (al-'Anām 157) ialah Al-Quran dan apa yang dibawa oleh Rasulullah<sup>1</sup> manakala maksud (البينة) di dalam ayat kedua (al-'A'rāf 73) ialah unta (نَعْدٌ).<sup>2</sup> Adapun perkataan (البينة) di dalam ayat ketiga (al-'A'rāf 85) ialah mukjizat (معجزة) kerana mestilah seorang yang mengaku nabi itu mempunyai mukjizat kalau tidak, beliau hanyalah seorang tukang ramalan.<sup>3</sup>

Al-Tabariy telah mengemukakan pendapat beliau mengenai makna perkataan (البينة) di dalam ayat pertama ialah al-kitāb (الكتاب) yang telah diturunkan kepada manusia di dalam bahasa yang jelas sebagai hujah yang nyata di antara manusia dan Tuhan,<sup>4</sup> manakala makna perkataan (البينة) dalam ayat kedua ialah hujah (حجۃ) yang telah datang dan bukti kebenaran kata-kata Nabi Sāleḥ a.s. Oleh itu, dalil dari Tuhan terhadap apa yang diperkatakan tersebut ialah seekor unta.<sup>5</sup> Seterusnya beliau berpendapat bahawa perkataan (البينة) dalam ayat ketiga bermaksud tanda (علامة) atau bukti (حجۃ).<sup>6</sup>

<sup>1</sup> Al-Fakhrurrāziy. *Tafsīr al-Kabīr* (Mafātiḥ al-Ghaib). Jil. 14. Hal. 4.

<sup>2</sup> Ibid. Jil. 14. Hal. 162.

<sup>3</sup> Ibid. Jil. 14. Hal. 173.

<sup>4</sup> Al-Tabariy. *Jāmi' al-Bayān*. Jil. 12. Hal. 242.

<sup>5</sup> Ibid. Jil. 12. Hal. 524.

<sup>6</sup> Ibid. Jil. 12. Hal. 242.

Al-Zamakhsyari telah menafsirkan perkataan (البينة) pada ayat kedua dengan makna tanda (آية) yang telah datang sebagai mukjizat yang nyata dan saksi akan benarnya kenabian Nabi Sālih a.s., lalu apabila ditanyakan apakah (البينة) tersebut maka Allah s.w.t. menjelaskan ia adalah unta (ناقة).<sup>1</sup> Mengenai makna perkataan (البينة) pada ayat ketiga beliau menerangkan ia bermaksud mukjizat (معجزة) yang menjadi saksi akan benarnya kenabian Nabi Syu'aib a.s. dan sekaligus mewajibkan kaumnya beriman dengan risalah yang dibawa, mengikut apa yang disuruh dan meninggalkan segala yang dilarang.<sup>2</sup>

Berdasarkan tafsiran-tafsiran yang dipaparkan di atas maka boleh dirumuskan bahawa perkataan (البينة) mengandungi beberapa maksud iaitu:

- (a) Al-Quran (القرآن)
- (b) Al-Kitab (الكتاب)
- (c) Mukjizat (معجزة)
- (d) Tanda (آية)
- (e) Unta (ناقة)
- (f) Tanda (علامة)
- (g) Bukti (حجة).

<sup>1</sup> Al-Zamakhsyari, Tafsir al-Kasasyaf, Jil. 2, Hal. 120.

<sup>2</sup> Ibid, Jil. 2, Hal. 127.

Jadi, penulis lebih cenderung untuk memilih makna perkataan البيتة (البيتة) di dalam ayat pertama bermaksud al-kitāb (الكتاب) kerana jika diteliti dari segi konteks ayat 157 maka perkataan al-kitāb telah terdapat di dalamnya sebelum perkataan البيتة (البيتة), begitu juga perkataan al-kitāb telah disebut di dalam tiga ayat sebelum daripada ayat 157 iaitu ayat 154, 155 dan 156. Perkataan al-kitāb yang disebut dalam surah al-Anām ayat 154 iaitu firman Allah s.w.t. :

ثُمَّ آتَيْنَا مُوسَى الْكِتَابَ تَمَامًا عَلَى الَّذِي أَخْسَنَ وَتَفْصِيلًا لِكُلِّ شَيْءٍ وَهُدًى

وَرَحْمَةً لِعِلْمِهِ بِلِقَاءَ رَبِّهِمْ يُؤْمِنُونَ

Terjemahannya : "Kemudian (ketahuilah pula bahawa) Kami telah memberikan kepada Nabi Musa Kitab (Taurat) untuk menyempurnakan (kemuliaan dan nikmat Kami) kepada orang yang telah berbuat baik (menjalankan ajaran Kitab itu iaitu Nabi Musa), dan untuk menerangkan tiap-tiap sesuatu, serta menjadi petunjuk dan rahmat, supaya mereka beriman kepada pertemuan dengan Tuhan mereka (pada hari akhirat kelak)."

Perkataan al-kitāb yang disebut di dalam surah al-Anām ayat 155 iaitu firman Allah s.w.t. :

وَهَذَا كِتَابٌ أَنزَلْنَاهُ مُبَارَكٌ فَاتَّبِعُوهُ وَاتَّقُوا اللَّهَكُمْ تَرُحَمُونَ

Terjemahannya : "Dan ini sebuah Kitab (Al-Quran) yang Kami turunkan, yang ada berkatnya (banyak manfaatnya). Oleh itu, hendaklah kamu menurutnya; dan bertaqwalah (kepada Allah s.w.t.), mudah-mudahan kamu beroleh rahmat."

Perkataan al-kitāb yang disebut di dalam surah al-Anfās ayat 156 iaitu firman Allah s.w.t. :

أَنْ تَقُولُوا إِنَّمَا أَنْزَلَ الْكِتَابَ عَلَى طَائِفَتَيْنِ مِنْ قَبْلِنَا وَإِنْ كُنَّا عَنْ دِرَاسَتِهِمْ لَغَافِلِينَ

Terjemahannya : "Supaya kamu (tidak) mengatakan: "Bahawa Kitab (agama) itu hanya diturunkan kepada dua golongan (Yahudi dan Nasrani) dahulu sebelum kami, dan sesungguhnya kami lalai (tidak faham) akan apa yang dibaca dan dipelajari oleh mereka".

Akhir sekali perkataan al-kitāb yang disebut di dalam surah al-Anfās ayat 157 sebelum perkataan (البَيِّنَةُ ) iaitu firman Allah s.w.t. :

أَوْ تَقُولُوا لَوْ أَنِّي أَنْزَلَ عَلَيْنَا الْكِتَابَ لَكُنَّا أَهْدَى مِنْهُمْ فَقَدْ جَاءَكُمْ بَيِّنَاتٌ مِّنْ رَبِّكُمْ

وَهُدًى وَرَحْمَةٌ فَمَنْ أَظْلَمُ مِنْ كَذَّابٍ اللَّهُ وَصَدَقَ عَنْهَا سَخْرِيُّ الدِّينِ

يَصْنِدِرُونَ عَنْ آيَاتِنَا سُوءُ الْعَذَابِ بِمَا كَانُوا يَصْنِدِرُونَ

Terjemahannya : "Atau supaya kamu (tidak) mengatakan: "Sesungguhnya kalau diturunkan Kitab kepada kami tentulah kami mendapat petunjuk hidayah lebih daripada mereka". (Kamu tidak akan dapat berdalih lagi) kerana sesungguhnya telah datang kepada kamu keterangan (yang cukup) dari Tuhan kamu, dan petunjuk hidayah serta rahmatNya (yang melimpah-limpah). Oleh itu, siapakah yang lebih zalim lagi daripada orang yang mendustakan ayat-ayat keterangan Allah s.w.t. dan berpaling daripadanya? Kami akan membalaas orang-orang yang berpaling dari ayat-

ayat keterangan Kami (dengan) azab seksa yang seburuk-buruknya, disebabkan mereka sentiasa berpaling (mengingkarinya)."

Di samping itu, jika dilihat kata kerja-kata kerja yang terdapat dalam ayat di atas maka kebanyakannya adalah perkataan-perkataan mudhakkár seperti (أَنْزَلَ), (كَتَبَ), (صَدَقَ) dan (أَظْلَمَ). Jadi konteks umum ayat ini adalah mudhakkár yang mempengaruhi kata kerja (جَاءَ) sehingga lah ditadhdírkán.

Dari aspek makna, seperti yang dijelaskan sebelum ini berdasarkan kesepakatan pendapat ulama tafsir umpamanya al-Tabáriy dan al-Fakhrurráziy yang menafsirkan perkataan (البينة) dengan maksud al-kitáb atau Al-Quran, kedua-dua perkataan ini adalah mudhakkár maka sebab itulah kata kerjanya (جَاءَ) ditadhdírkán. Inilah punca atau sebab sebenar kenapa dipilih penggunaan tadhdír dalam kata kerja (جَاءَ) dalam ayat pertama .

Berbalik kepada penggunaan ta'ñíth kata kerja (جَاءَتْ) pada ayat kedua adalah kerana konteks ayat ini mu'annath, firman Allah s.w.t. dalam surah al-A'ráf ayat 73 :

وَإِلَيْهِ شَمُودٌ أَحَاهُمْ صَالِحًا قَالَ يَا قَوْمَ اعْبُدُوا اللَّهَ مَا لَكُمْ مِنْ إِلَهٍ غَيْرِهِ قَدْ جَاءَتْكُمْ

بِيَنَتٍ مِنْ رَبِّكُمْ هَذِهِ نَاقَةُ اللَّهِ لَكُمْ آتَيْهِ فَذَرُوهَا تَأْكُلُ فِي أَرْضِ اللَّهِ وَلَا تَمْسُوهَا

بِسُوءٍ فَإِنَّهُمْ عَذَابُ الْآتِيمِ

Terjemahannya : "Dan kepada kaum Thamud (Kami utuskan) saudara mereka: Nabi Sôleh. Ia berkata: "Wahai kaumku! Sembahlah kamu akan Allah s.w.t., (sebenarnya) tiada Tuhan bagi kamu selain daripadaNya. Sesungguhnya telah datang kepada kamu keterangan yang nyata (mukjizat) dari Tuhan kamu; ini adalah seekor unta betina (dari) Allah s.w.t. sebagai keterangan bagi kamu (membuktikan kebenaranku). Oleh itu, biarkanlah unta itu mencari makan di bumi Allah s.w.t., dan janganlah kamu menyakitinya; (kalau kamu menyentuhnya) maka kamu akan ditimpa azab seksa yang tidak terperi sakitnya."

Dalam ayat ini terdapat beberapa perkataan mu'annath seperti (نَاقَةٌ), (أَرْضَنْ), (أَيْتَهُ), kata gantinama (هَا) yang disebut dua kali dan kata kerja (تَأْكِلُ). Kesemua perkataan-perkataan ini telah membentuk satu konteks mu'annath yang akhirnya mempengaruhi kata kerja (جَاءَتْ) supaya ditanahkan.

Tambahan pula dari segi maknanya perkataan (البينةٌ) seperti yang dijelaskan oleh al-Fakhru'râziy, al-Tabariy dan al-Zamakhsyariy ia bermaksud unta (نَاقَةٌ), bukti (حَجَةٌ) dan tanda (أَيْتَهُ). Ketiga-tiga perkataan ini adalah perkataan mu'annath maka sebab itulah kata kerja (جَاءَتْ) ditanahkan walaupun harus ditadkirkan.

Di dalam ayat ketiga Allah s.w.t. berfirman dalam surah al-A'raf ayat

85 :

وَإِلَيْ مَدِينَ أَنْجَاهُمْ شَعِيبًا قَالَ يَا قَوْمَ اعْبُدُوا اللَّهَ مَا لَكُمْ مِنْ إِلَهٌ غَيْرُهُ قَدْ جَاءَكُمْ

بَيْنَهُ مِنْ رِبِّكُمْ فَأَوْفُوا الْكَيْلَ وَالْمِيزَانَ وَلَا تَبْخَسُوا النَّاسَ أَشْيَاعُهُمْ وَلَا تُفْسِدُوا فِي

الْأَرْضِ بَعْدَ إِصْلَاحِهَا ذَلِكُمْ خَيْرٌ لَكُمْ إِنْ كُنْتُمْ مُؤْمِنِينَ.

Terjemahannya : "Dan kepada penduduk Madyan (Kami utuskan) saudara mereka (Nabi) Syuaib a.s.. ia berkata: "Wahai kaum sembahlah kamu akan Allah s.w.t., (sebenarnya) tiada Tuhan bagi kamu selain daripadanya. Sesungguhnya telah datang kepada kamu keterangan (yang nyata) dari Tuhan kamu. Oleh itu, sempurnakanlah sukat dan timbangan, dan janganlah kamu kurangkan bagi manusia akan benda-benda dan perkara-perkara yang menjadi haknya; dan janganlah kamu berbuat kerosakan di muka bumi sesudah Allah s.w.t. menjadikannya (makmur teratur) dengan sebaik-baiknya. Yang demikian itu lebih baik bagi kamu jika betul kamu orang-orang yang beriman."

Perkataan (البينة ) di sini menurut al-Fakhrurrâziy dan al-Zamakhsyariy bermaksud mukjizat (معجزة ) yang diberikan kepada Nabi Syuaib a.s., manakala menurut al-Tabariy ia bermaksud tanda (علامة ) atau bukti (حجة ). Kesemua perkataan-perkataan ini adalah mu'annath, maka inilah sebab yang menjadikan kata kerja (جاءت ) pada

ayat di atas ditanahkan kerana pelakunya adalah mu'annath berdasarkan kepada makna.

Mengenai ayat yang keempat pula maksud perkataan (البينة) adalah rasul (رسول) seperti firman Allah s.w.t. dalam surah al-Bayyinat ayat 1 hingga 4 :

لَمْ يَكُنِ الَّذِينَ كَفَرُوا مِنْ أَهْلِ الْكِتَابِ وَالْمُشْرِكُونَ مُفْكِرُونَ حَتَّىٰ تَأْتِيهِمُ الْبَيِّنَاتُ

رَسُولٌ مِّنَ اللَّهِ يَتْلُو صُحْفًا مُّظَهَّرًا فِيهَا كُتُبٌ قَيْمَةٌ وَمَا تُفْرِقُ الْدِينُ إِذَا وَجَدَا

الْكِتَابَ إِلَّا مَنْ بَعْدَ مَا جَاءَتْهُمُ الْبَيِّنَاتُ

Terjemahannya : "Orang-orang yang kafir dari Ahli Kitab (Yahudi dan Nasrani) serta orang-orang musyrik, tidak akan terlepas (dari kepercayaan dan amalan masing-masing) sehingga datang kepada mereka bukti (yang jelas nyata)", iaitu seorang Rasul dari Allah s.w.t. yang membacakan (kepada mereka) Lembaran-lembaran Suci. Terkandung di dalamnya pelajaran-pelajaran dan hukum-hukum yang benar. Dan orang-orang (Yahudi dan Nasrani) yang diberi Kitab (Taurat dan Injil) itu, tidak berpecah-belah melainkan setelah datang kepada mereka bukti (yang jelas nyata)."

Rasul adalah perkataan mudhakkir tetapi kenapakah kata kerjanya (جَاءَتْ) telah ditanahkan. Oleh itu, apakah rahsia penggunaan ta'nith kata kerja di sini?.

Berhubung dengan permasalahan ini, <sup>c</sup>Audatullāh Manī<sup>c</sup> al-Qaisiy memberikan pandangan beliau bahawa perkataan (البينة) pada ayat keempat dari surah al-Bayyinat bukan sahaja bermaksud rasul bahkan ia juga bermaksud (صُحْفٌ) dan (كِتَبٌ). Ini memandangkan ketiga-tiga perkataan itu telah disebut sebelum daripada ayat 4 dalam surah al-Bayyinat.

Apabila diperhalusi makna perkataan (البينة) di sini, ternyata satu daripadanya adalah perkataan mudhakkār (رَسْنُولٌ) dan dua lagi iaitu (صُحْفٌ) serta (كِتَبٌ) adalah perkataan mu'annath. Perkataan (صُحْفٌ) adalah jam<sup>c</sup> taksir kepada perkataan mufrad mu'annath iaitu (صحيفَة) manakala perkataan (كِتَبٌ) adalah jam<sup>c</sup> taksir kepada perkataan mufrad mudhakkār iaitu (كتاب)، walaupun begitu ia dihukumkan mu'annath pada sifatnya dan kata kerjanya kerana ia adalah jam<sup>c</sup> tidak berakal (جَمْعٌ لِغَيْرِ عَاقِلٍ).

Oleh kerana adanya dua perkataan mu'annath dan hanya satu sahaja perkataan mudhakkār yang menjadi maksud perkataan (البينة) maka sudah tentulah penggunaan ta'nīth diutamakan dan didahulukan. Tambahan pula, (صُحْفٌ) dan (كِتَبٌ) lebih lama dan kekal untuk menjadi bukti kepada manusia jika dibandingkan dengan rasul ataupun sirāh kehidupan seorang rasul.<sup>1</sup>

<sup>1</sup> <sup>c</sup>Audatullāh Manī<sup>c</sup> al-Qaisiy. Sir al-Ijāz fi Tanawwu<sup>c</sup> al-Musytaqqat min Aṣl al-Lughawiy Wāḥid fī Al-Qur'ān. Hal. 60.

Inilah rahsia atau sebab mengapa wujudnya perbezaan pada keempat-empat ayat di atas . Penggunaan tadhkir atau ta'nith kata kerja ayat-ayat tersebut bukan sekadar dilihat dari sudut sintaksis semata-mata yang hukumnya adalah harus, bahkan ia menjangkau aspek konteks dan makna sekaligus menonjolkan keistimewaan uslub Al-Quran yang amat teliti dan tidak boleh dipandang ringan kerana tanpa memahaminya secara mendalam tentulah sukar untuk difahami makna ayat-ayat Al-Quran seperti yang sepatutnya.

#### 4.1.4 Perkataan al-Dalālat (الضلال) dan kata kerja Haqqa.

Perkataan (الضلال) bersama dengan kata kerja (حق) telah disebut di dalam al-Quran sebanyak dua kali. Kali pertama kata kerjanya ditadzhirkan dan kali yang kedua kata kerjanya ditanthik pula. Kedua-dua ayat tersebut ialah :

1. Ayat pertama ialah firman Allah dalam surah al-A'rāf ayat 30 iaitu :

وَفِرِيقًا حَقٌّ عَلَيْهِمُ الْضَّلَالُ .

Terjemahannya : "dan sekumpulan lagi (yang engkar) berhaklah mereka ditimpa kesesatan ( dengan pilihan mereka sendiri ) "

2. Ayat kedua ialah firman Allah dalam surah al-Nahl ayat 36 iaitu :

وَمِنْهُمْ مَنْ حَقَّتْ عَلَيْهِ الضَّلَالُ .

Terjemahannya : "Maka di antara mereka ada pula yang berhak ditimpa kesesatan "

Ayat pertama telah menggugurkan tā' ta'nīth pada kata kerja ( حُقُّ ), sebaliknya ayat yang kedua telah mengekalkannya iaitu ( حَقٌّ ) sedangkan pelaku kepada kedua-dua kata kerja ini adalah perkataan yang sama iaitu ( الصَّلَاةُ ). Persoalannya apakah rahsia atau sebab kedua-dua penggunaan ini disebut di dalam Al-Quran? .

Sekiranya soalan ini ditujukan kepada selain dari Al-Quran al-Karim nescaya mudahlah jawapannya kerana dari segi sintaksis penggunaan tadhkīr dan ta'nīth kata kerja adalah harus kerana beberapa sebab iaitu :

- (a) Perkataan ( الصَّلَاةُ ) adalah mu'annath majāziy.
- (b) Terdapat pemisah di antara kata kerja ( حُقُّ ) dan pelakunya perkataan ( الصَّلَاةُ ) dengan dua perkataan iaitu partikel jar dan kata gantinama orang ketiga ( عَلَيْهِمْ ).

Namun, persoalan yang lebih besar ialah kedua-dua penggunaan ini telah digunakan oleh Al-Quran sedangkan Al-Quran ialah mukjizat Nabi Muhammad s.a.w. yang teragung dari segi uslūb dan susunan perkataan mahupun huruf-hurufnya. Oleh itu, apakah keistimewaan dan kelebihan kedua-dua penggunaan yang berbeza tersebut?.

Menurut pandangan al-Suhailiy perbezaan di antara ayat pertama dan ayat kedua adalah disebabkan dua perkara iaitu <sup>1</sup>:

- (a) Dari segi bilangan huruf pemisah

Huruf-huruf yang menjadi pemisah di antara kata kerja dan pelaku pada ayat pertama ialah sebanyak 5 huruf iaitu huruf ‘ayn, lām, yā’, hā’ dan mīm ( ﻫِمْ ), manakala huruf-huruf yang memisahkan di antara kata kerja dan pelaku pada ayat kedua hanyalah 4 huruf sahaja iaitu huruf ‘ayn, lām, yā’ dan hā’ ( ﻫِيْهِ ). Telah dijelaskan sebelum ini bahawa semakin banyak huruf-huruf atau perkataan yang memisahkan di antara kata kerja dan pelaku maka semakin eloklah tā’ ta’nīth digugurkan. Jadi, sebab itulah kata kerja ayat pertama digugurkan tā’ ta’nīthnya. <sup>1</sup>

- (b) Dari segi jenis perkataan.

Berhubung dengan ayat yang pertama, perkataan ( ﺍَضْلَالٌ ) merujuk kepada maksud kesesatan yang berlaku terhadap sekumpulan orang iaitu ( فَرِيقٌ ). Perkataan ( فَرِيقٌ ) adalah satu perkataan mudhakkár seperti yang terdapat dalam firman Allah s.w.t. dalam surah al-A‘rāf ayat 30 :

---

<sup>1</sup> Al-Suhailiy. Natājj al-Fikr fi al-Nahw. Hal. 132-133.

فَرِيقًا هَذِي وَفِرِيقًا حَقٌّ عَلَيْهِمُ الْضَّلَالُ إِنَّهُمْ أَتَحْدُوا الشَّيَاطِينَ أُولَئِكَ مِنْ دُونِ

اللَّهِ وَيَخْسِبُونَ أَنَّهُمْ مُهْتَدُونَ.

Terjemahannya : "Sekumpulan (dari umat manusia) diberi hidayah petunjuk (oleh Allah s.w.t. dengan diberi taufiq untuk beriman dan beramal soleh); dan sebahagian lagi (yang ingkar) berhaklah mereka ditimpa kesesatan (dengan pilihan mereka sendiri), kerana sesungguhnya mereka telah menjadikan Syaitan-syaitan itu pemimpin-pemimpin (yang ditaati) selain Allah s.w.t.. Serta mereka pula menyangka, bahawa mereka berada dalam petunjuk hidayah."

Berkaitan dengan ayat kedua pula, maka huruf min (من) merujuk kepada perkataan (أَمَّةً). Perkataan (أَمَّةً) adalah satu perkataan mu'annath seperti yang terdapat dalam firman Allah s.w.t. dalam surah al-Nahl ayat 36 :

وَلَقَدْ بَعَثْنَا فِي كُلِّ أُمَّةٍ رَسُولًا أَنْ أَعْبُدُوا اللَّهَ وَاجْتَنِبُوا الطَّاغُوتَ فَمِنْهُمْ مَنْ

هَذِي اللَّهُ وَمِنْهُمْ مَنْ حَقَّتْ عَلَيْهِ الْضَّلَالَةُ فَسِرُوا فِي الْأَرْضِ فَانظُرُوا كَيْفَ

كَانَ عَاقِبَةُ الْمُكَذِّبِينَ.

Terjemahannya : "Dan sesungguhnya Kami telah mengutus dalam kalangan tiap-tiap umat seorang Rasul (dengan memerintahkannya menyeru mereka): "Hendaklah kamu menyembah Allah s.w.t. dan jauhilah Taghut". Maka di antara mereka (yang menerima seruan Rasul itu), ada yang diberi

*hidayah petunjuk oleh Allah s.w.t. dan ada pula yang berhak ditimpah kesesatan. Oleh itu mengembaralah kamu di bumi, kemudian lihatlah bagaimana buruknya kesudahan umat-umat yang mendustakan (Rasul-rasulnya)."*

Dalam erti kata lain, kata kerja ayat pertama ditadhibkiran kerana melihat daripada aspek jenis perkataan bahawa yang sesat itu ialah sekumpulan orang iaitu ( فُرِيقٌ ). Perkataan ( فُرِيقٌ ) adalah mudhakkir sebab itulah kata kerjanya ditadhibkiran ( حَقْ ).

Adapun sebab kata kerja ayat kedua dita'nithkan kerana mengambil kira aspek jenis perkataan bahawa yang sesat itu ialah sebahagian daripada ummat iaitu ( أُمَّةٌ ). Perkataan ( أُمَّةٌ ) adalah mu'annath sebab itulah kata kerjanya dita'nithkan ( حَقْ ).

Pada hemat penulis, inilah punca atau sebab sebenar mengapa Allah s.w.t. telah menggunakan kedua-dua penggunaan tersebut di dalam Al-Quran, setiap penggunaan sama ada tadhkir atau ta'nith kata kerja adalah sesuai pada kedudukan dan tempatnya. Sesungguhnya inilah kehebatan dan keistimewaan Al-Quran yang tidak boleh dipertikaikan lagi.

#### 4.1.5 Perkataan Kalimat (كلمة) dan kata kerja Haqqa

Perkataan (كلمة) bersama dengan kata kerja (حق) telah disebut di dalam Al-Quran sebanyak lima kali . Hanya sekali sahaja kata kerjanya ditadhibkan dan empat kali lagi dita'nhikan. Ayat-ayat tersebut ialah :

1- Ayat pertama ialah firman Allah s.w.t. dalam surah al-Zumar ayat 19 :

أَفَمَنْ حَقُّ عَلَيْهِ كَلِمَةُ الْعَذَابِ

Terjemahannya : "Adakah orang yang telah berhak kalimat siksa baginya " .

2- Ayat kedua ialah firman Allah s.w.t. dalam surah Yūnus ayat 96 :

إِنَّ الَّذِينَ حَقَّتْ كَلِمَةُ رَبِّكَ لَا يُؤْمِنُونَ

Terjemahannya : "Sesungguhnya orang-orang yang berhak kalimat (siksa) Tuhanmu terhadap mereka, mereka itu tiada beriman".

3- Ayat ketiga ialah firman Allah s.w.t. dalam surah Yūnus ayat 33 :

كَذَلِكَ حَقَّتْ كَلِمَةُكَ عَلَى الَّذِينَ فَسَقُوا أَنَّهُمْ لَا يُؤْمِنُونَ

Terjemahannya : "(Sebagaimana benarnya keTuhanan itu bagi Allah sahaja) demikianlah benarnya kalimah ketetapan hukum Tuhanmu, terhadap orang-orang yang fasik kerana bahawasanya mereka tidak beriman."

4- Ayat keempat ialah firman Allah s.w.t. dalam surah al-Zumar ayat 71 :

فَأَلْوَا بَلَى وَلَكِنْ حَقْتُ كَلِمَةُ الْعَذَابِ عَلَى الْكَافِرِينَ

Terjemahannya : "Mereka menjawab: "Ya, telah datang! Tetapi telah ditetapkan hukuman azab atas orang-orang yang kafir."

5- Ayat kelima ialah firman Allah s.w.t. dalam surah Ghāfir ayat 6 :

وَكَذَلِكَ حَقْتُ كَلِمَةً بَلَى عَلَى الَّذِينَ كَفَرُوا أَئْنَهُمْ أَصْحَابُ النَّارِ

Terjemahannya : "Dan demikianlah juga tetapnya hukuman Tuhanmu terhadap orang-orang yang kafir, kerana sesungguhnya mereka ialah ahli neraka."

Dengan membandingkan kedua-dua bentuk penggunaan tadhkir dan ta'nith kata kerja contohnya ayat pertama dan kedua, akan timbulah persoalan yang sama seperti ayat-ayat sebelumnya iaitu kenapakah digugurkan tā' ta'nīth pada kata kerja ( <sup>حَقٌّ</sup> ) di dalam ayat pertama sedangkan dikekalkan tā' ta'nīth tersebut di dalam ayat kedua pada kata kerja ( <sup>حَقَّتْ</sup> ) walaupun pelaku kedua-dua kata kerja ini adalah sama iaitu perkataan ( <sup>كَلِمَةً</sup> ) ? Persoalannya apakah rahsia yang mendorong Al-Quran menggunakan kedua-dua bentuk penggunaan secara tadhkir dan ta'nith ?.

Daripada aspek sintaksis, penggunaan tadhkir dan ta'nith kata kerja di sini adalah harus kerana dua sebab iaitu :

- (a) Perkataan ( كَلِمَةٌ ) adalah mu'annath majāziy.
- (b) Terdapat pemisah di antara kata kerja dan pelaku iaitu ( عَلَيْهِ ) dan ( عَلَيْهِمْ ).

Jika diperhatikan bilangan huruf pemisah di antara kata kerja dan pelaku, maka dalam ayat pertama terdapat empat huruf iaitu 'ayn, lām, yā' dan ha' ( عَلَيْهِ ), manakala bilangan huruf pemisah dalam ayat kedua terdapat sebanyak lima huruf iaitu 'ayn, lām, yā' , hā' dan mīm ( عَلَيْهِمْ ).

Dengan merujuk kembali pandangan al-Suhailiy dalam perbincangan sebelum ini, beliau telah mengemukakan alasan bahawa bilangan huruf pemisah sebanyak 5 huruf sebagai faktor ( dari segi lafaz ) yang mengharuskan penggunaan tadhkir kata kerja ( حَقّ ) untuk pelakunya perkataan ( ضَلَالٌ ) dalam ayat pertama ( surah al-A'rāf ayat 30 ). Sedangkan hanya terdapat 4 huruf pemisah sahaja di antara kata kerja ( حَقّتْ ) untuk pelakunya perkataan ( ضَلَالٌ ) dalam ayat kedua ( surah al-Nahl ayat 36 ).

Perkara ini menurut beliau menunjukkan bahawa semakin banyak huruf pemisah di antara kata kerja dan pelaku maka semakin elok

penggunaan tadhkir pada kata kerja tersebut,<sup>1</sup> bahkan pandangan ini turut dinukilkan juga oleh Ibn Qayyim al-Jauziyyat dalam kitab beliau “Badā’i’ al-Fawā’id”.<sup>2</sup>

Di sini, jika hendak diaplikasikan pandangan al-Suhailiy kepada ayat pertama dan kedua di atas ( Zumar 19 dan Yūnus 96 ), maka jelas terdapat perbezaan dan pertentangan yang amat ketara kerana hanya terdapat empat huruf sebagai pemisah pada ayat pertama ( tadhkir kata kerja ) berbanding lima huruf dalam ayat kedua ( ta’nīth kata kerja ). Jadi , sepatutnya semakin banyak huruf pemisah semakin elok ditadhkirkan kata kerja ayat kedua( حَقْتْ ) dan dita’nīthkan kata kerja ayat pertama ( حَقْ ). Namun, yang berlaku adalah sebaliknya.

Terdapat perbezaan yang jelas dari aspek bilangan huruf pemisah di antara kedua-dua ayat yang menggunakan kata kerja ( حَقْ ) dan ( حَقْتْ ) untuk pelakunya perkataan( كُلْمَةً ) dengan kedua-dua ayat yang menggunakan kata kerja ( حَقْ ) dan ( حَقْتْ ) untuk pelakunya perkataan ( صَلَكَةً ) . Perbezaan ini menimbulkan beberapa soalan umpamanya adakah boleh diterima pandangan al-Suhailiy tersebut ?, atau adakah terdapat alasan lain yang lebih kukuh untuk menyelesaikan permasalahan di atas ?.

<sup>1</sup> Al-Suhailiy. Natā’ij al-Fikr fi al-Nahw. Hal. 132-133.

<sup>2</sup> Ibn Qayyim al-Jauziyyat. Badā’i’ al-Fawā’id. Hal. 126-127.

Penulis berpendapat bahawa pandangan pertama al-Suhailiy seperti yang dinukilkkan di atas adalah kurang tepat kerana dua sebab. Pertamanya, pandangan ini hanya sesuai untuk membandingkan ayat al-A‘rāf 30 dengan ayat al-Nahl 36 sahaja, tetapi tidak sesuai jika dibandingkan dengan ayat Zumar 19 dan ayat Yūnus 96 sekaligus membuktikan ia adalah satu kaedah yang tidak boleh diterima pakai secara umum.

Keduanya, hukum penggunaan kata kerja secara tadhkir dan ta’ñith adalah harus dengan adanya pemisah di antara kata kerja dan pelaku adalah tidak bergantung terhadap bilangan huruf atau perkataan pemisah tersebut.

Memang tidak dapat dinafikan bahawa para ulama nahu telah menyatakan bahawa semakin banyak pemisah di antara kata kerja dan pelaku maka semakin elok ayat tersebut , tetapi dalam konteks ayat-ayat ini adakah boleh dikatakan terhadap ayat Al-Quran bahawa penggunaan tadhkir dengan banyaknya huruf pemisah adalah elok manakala pada ayat yang lain dikatakan tidak elok. Tentulah tidak boleh sama sekali kerana uslub Al-Quran adalah elok dan sempurna kesemuanya tanpa terkecuali .

Pada pengamatan penulis , penyelesaian utama kepada permasalahan di atas bukanlah terletak pada bilangan huruf-huruf pemisah di antara kata kerja dan pelaku tetapi sebenarnya bergantung kepada aspek makna dan maksud perkataan ﴿ضَلَالٌ﴾ (ضلاله) dan perkataan ﴿كَلْمَة﴾ (كلمة).

Lantaran itu, penulis amat bersetuju dengan pandangan kedua al-Suhailiy yang membicarakan penggunaan kata kerja (حقٌ) dan (حَقٌّ) dengan pelakunya (ضَلَالٌ) dari aspek jenis perkataan.

Manakala penggunaan tadhkir kata kerja (حَقٌّ) dengan pelakunya perkataan (كلمة) dalam ayat pertama adalah kerana makna (كلمة) adalah azab . Al-Zamakhsyariy menjelaskan bahawa perkataan (كلمة) di sini adalah merujuk kepada maksud azab (العذاب).<sup>1</sup> Jadi perkataan (العذاب) adalah perkataan mudhakkir, maka amat sesualilah kata kerjanya ditadzhirkkan.

Apatah lagi dengan adanya perkataan (الثار) yang memperkuuhkan maksud perkataan (كلمة) dengan makna azab seperti yang terdapat dalam firman Allah s.w.t. dalam surah al-Zumar ayat 19 :

أَفَمَنْ حَقٌّ عَلَيْهِ كَلِمَةُ الْعَذَابِ أَفَإِنْتَ تُقْدِمُ مِنْ فِي الثَّارِ

Terjemahannya : "Maka adakah orang yang telah ditetapkan ke atasnya hukuman azab (disebabkan kekufurannya, sama seperti orang yang dianjikan bergembira dengan balasan imannya? Sudah tentu tidak) ! Oleh itu adakah engkau berkuasa menyelamatkan orang yang (ditetapkan kekal) dalam neraka?"

<sup>1</sup> Al - Zamakhsyariy. Tafsir al-Kasysyaf. Jil. 4. Hal. 121.

Seterusnya mengenai ayat kedua ( surah Yūnus ayat 96 ), Al-Zamakhsyariy telah menafsirkan maksud ayat ( حَقْتُ عَلَيْهِمْ كَلِمَةً رَبِّكَ ) bahawa telah ditetapkan ke atas orang-orang kafir ketetapan Allah s.w.t. dalam bentuk perkataan ( كَلِمَةً ) dan penulisan ( كِتَابَةً ) yang ditulisnya di Luh dan Allah telah memberitahu para Malaikat bahawa sesungguhnya mereka itu akan mati sebagai orang kafir, tidak ada cara lain. Ini adalah ketentuan Allah s.w.t. berdasarkan ilmu-Nya, bukan ketentuan taqdir atau kehendak Allah s.w.t. supaya berlaku sedemikian.<sup>1</sup>

Berpandukan huraian di atas, penulis menyokong pandangan al-Zamakhyariy bahawa makna perkataan ( كَلِمَةً ) di sini ialah ( كِتَابَةً ) itu sendiri iaitu perkataan-perkataan yang sememangnya telah dicatat di Luh al-Mahfudz atau bermaksud tulisan-tulisan ( كِتَابَةً ) yang termaktub mengenai kehidupan seseorang manusia termasuklah ketentuan Allah s.w.t terhadap orang kafir bahawa mereka tidak akan beriman serta akan mati dalam kekufran. Kedua-dua perkataan ini ( كَلِمَةً ) dan ( كِتَابَةً ) adalah dua perkataan mu'annath. Oleh itu amatlah sesuai sekali kata kerja ( حَقْتُ ) ditanahkan.

Dari aspek konteks, ayat kedua disebut dalam konteks mu'annath seperti firman Allah dalam surah Yūnus ayat 96, 97 dan 98 :

<sup>1</sup> Al → Zamakhsyariy. Tafsīr al-Kāṣīṣyāf. Jil. 2. Hal. 371.

إِنَّ الَّذِينَ حَقَّتْ عَلَيْهِمْ كُلِّمَةٍ رَبِّكَ لَا يُؤْمِنُونَ . وَلَوْ جَاءَتْهُمْ كُلُّ آيَةٍ حَتَّىٰ يَبْرُوا

الْعَذَابَ الْأَلِيمَ . فَلَوْلَا كَانَتْ قَرِيبَةً أَمْنَتْ فَتَقَعُهَا إِيمَانُهَا إِلَّا قَوْمٌ يُؤْمِنُونَ لَمَّا آمَنُوا

كَشَفْنَا عَنْهُمْ عَذَابَ الْجَزِيرِ فِي الْحَيَاةِ الدُّنْيَا وَمُتَعَاهِدُهُمْ إِلَىٰ حِينٍ .

Terjemahannya : " Sesungguhnya orang-orang yang berhak kalimat ( siksa ) Tuhanmu terhadap mereka, mereka itu tiada beriman. Walaupun datang kepada mereka segala jenis keterangan dan tanda-tanda (yang membuktikan kekuasaan Allah s.w.t. dan kebenaran Rasul-rasulNya), sehingga mereka melihat azab yang tidak terperi sakitnya.(Dengan kisah Firaun itu) maka ada baiknya kalau (penduduk) sesebuah negeri beriman (sebelum mereka ditimpa azab), supaya imannya itu mendatangkan manfaat (menyelamatkannya). Hanya kaum Nabi Yūnus sahaja yang telah berbuat demikian - ketika mereka beriman, Kami elakkan azab sengsara yang membawa kehinaan dalam kehidupan dunia dari menimpa mereka, dan Kami berikan mereka menikmati kesenangan sehingga ke suatu masa (yang Kami tentukan)".

Jika diperhatikan ketiga-tiga ayat di atas, didapati kerja-kata kerja yang disebut kebanyakannya dalam bentuk mu'annath seperti ( أَمْنَتْ ) ( كَانَتْ ) ( جَاءَتْ ) . Kata kerja-kata kerja tersebut seolah-olah mewujudkan satu konteks mu'annath yang menunjukkan adanya unsur kesinambungan dan penyelarasannya dalam ayat-ayat di atas melalui penggunaan ta'nīth pada setiap kata kerja .

Inilah antara contoh dan bukti keistimewaan serta keunikan uslūb Al-Quran yang tidak dapat ditandingi oleh mana-mana kitab atau tulisan di atas muka bumi kerana ia adalah sebuah kitab yang diturunkan dari langit oleh Allah s.w.t., Tuhan pencipta alam semesta.

#### 4.1.6 Perkataan Kathrat (كثرة) dan kata kerja 'A'jaba.

Perkataan (كثرة) telah disebut dengan kata kerja (أعجب) sebanyak 2 kali dalam Al-Quran. Sekali kata kerjanya ditadkirkan dan sekali dita'nithkan. Kedua-dua ayat tersebut ialah :

1- Ayat pertama ialah firman Allah sw.t. dalam surah al-Mā'idah ayat 100 :

وَلَوْ أَعْجَبَكُمْ كَثْرَةُ الْخَيْرِ

Terjemahannya : "walaupun banyaknya yang buruk itu menarik hatimu".

2- Ayat kedua ialah firman Allah sw.t. dalam surah al-Taubah ayat 25 :

وَيَوْمَ حُسْنٍ إِذْ أَعْجَبْتُكُمْ كُثْرَتُكُمْ

Terjemahannya : "dan di medan perang Hunain, iaitu semasa kamu merasa megah dengan sebab bilangan kamu yang ramai."

Dengan membandingkan kedua-dua ayat di atas, ternyata ayat pertama telah menggugurkan tā' ta'nīth pada kata kerja (أعجب), manakala

ayat kedua pula mengekalkan tā' ta'nīth pada kata kerja ( أَعْجَبَ ) sedangkan pelaku kedua-dua kata kerja ini adalah perkataan yang sama iaitu ( كُثُرَةً ).

Berdasarkan perbandingan di atas, sekali lagi timbul persoalan kenapakah Al-Quran telah menggunakan kedua-dua bentuk penggunaan tadhkīr dan ta'nīth kata kerja?. Apakah rahsia yang tersembunyi di sebalik penggunaan sebegini rupa? .

Daripada aspek sintaksis hukum penggunaan tadhkīr dan ta'nīth kata kerja ( أَعْجَبَ ) dengan pelaku ( كُثُرَةً ) adalah harus kerana dua sebab iaitu :

- (a) Perkataan ( كُثُرَةً ) adalah mu'annath majāziy.
- (b) Terdapat pemisah di antara kata kerja dan pelaku dengan kata ganti iaitu ( كَ ) dan ( كُمْ ).

Walaupun begitu, penjelasan sintaksis ini perlu diperincikan lagi dan jika diteliti daripada aspek konteks ayat yang pertama, maka tampak jelas ayat ini berada dalam konteks mudhakkār. Firman Allah s.w.t. dalam surah al-Mā'idah ayat 100 :

قُلْ لَا يَسْتَوِي الْخَيْرُ وَالظَّيْمُ وَلَوْ أَعْجَبَ كَثُرَةُ الْخَيْرِ فَاتَّقُوا اللَّهَ يَا أَوَّلِي

الْأَلْبَابِ لَعَلَّكُمْ تَلْحِفُونَ

Terjemahannya : "Katakanlah (wahai Muhammad): "Tidak sama yang buruk dengan yang baik, walaupun banyaknya yang buruk itu menarik hatimu.

Oleh itu bertaqwalah kepada Allah s.w.t. wahai orang-orang yang berakal fikiran, supaya kamu berjaya".

Kebanyakan perkataan-perkataan yang disebut dalam ayat di atas adalah mudhakkir seperti perkataan (الْخَيْرُ), (الْطَّيِّبُ) dan juga kata kerja (يَسْتَوِي). Perkataan-perkataan mudhakkir ini telah mempengaruhi kata kerja (أَعْجَبَ) supaya ditadhhirkankan kerana konteksnya adalah mudhakkir.

Mengenai ayat kedua, dalam surah al-Taubah 25 , Allah s.w.i berfirman :

لَقَدْ نَصَرْتُكُمُ اللَّهُ فِي مَوَاطِنِ كَثُورٍ وَيَوْمَ حُسْنٍ إِذْ أَعْجَبْتُكُمْ كُثُرَتُكُمْ فَلَمْ تُفْنِ  
عَنْكُمْ شَيْئاً وَضَاقَتْ عَلَيْكُمُ الْأَرْضُ بِمَا رَحِبَتْ تُمْ وَلِيَوْمٌ مَدِيرٌ

Terjemahannya : "Sesungguhnya Allah s.w.t. telah menolong kamu mencapai kemenangan dalam banyak medan-medan perang dan di medan perang Hunain, iaitu semasa kamu merasa megah dengan sebab bilangan kamu yang ramai; maka bilangan yang ramai itu tidak mendatangkan faedah kepada kamu sedikitpun; dan (semasa kamu merasa) bumi yang luas itu menjadi sempit kepada kamu; kemudian kamu berpaling undur melarikan diri".

Kebanyakan perkataan-perkataan yang terdapat di dalam ayat ini adalah mu'annath seperti perkataan (كَثِيرٌ), (مَوَاطِنٌ) dan (الْأَرْضُ).

Bahkan di dalam ayat di atas terdapat tiga kata kerja mu'annath iaitu (تَعْنِي), (رَحِبَتْ) dan (صَافَتْ). Jadi, kesemua perkataan-perkataan ini telah membentuk satu konteks mu'annath yang mempengaruhi kata kerja (أَعْجَبَتْ) supaya dita'nithkan walaupun harus ditadhhirkankan.

Pada hemat penulis, inilah di antara sebab-sebab yang mendorong penggunaan tadhhirk kata kerja (أَعْجَبَ) di dalam ayat pertama dan ta'nith kata kerja (أَعْجَبَتْ) di dalam ayat kedua. Sebab ini merupakan sebahagian daripada rahsia kehebatan dan keistimewaan Al-Quran sebagai mukjizat teragung umat islam yang kekal abadi sepanjang zaman .

#### 4.2 Pelaku Jam<sup>c</sup> Taksir .

Terdapat satu pelaku perkataan jam<sup>c</sup> taksir yang kata kerjanya telah ditadhhirk dan dita'nithkan. Perkataan tersebut ialah :

##### 4.2.1 Perkataan Rusul (رَسُّلٌ) dan kata kerja Ja'a.

Perkataan (رَسُّلٌ) dengan kata kerja (جَاءَ) telah disebut di dalam Al-Quran sebanyak 16 kali. Hanya sekali sahaja kata kerjanya ditadhhirkkan manakala selebihnya lima belas kali lagi dita'nithkan. Ayat-ayat tersebut iaitu :

1- Ayat pertama ialah firman Allah s.w.t. dalam surah al-Imrān ayat 183 ;

قَدْ جَاءَكُمْ رَسُولٌ مِّنْ قَبْلِنِي

Terjemahannya : "Sesungguhnya telah datang kepada kamu beberapa *rasul* dahulu daripada aku".

2. Ayat kedua ialah firman Allah s.w.t. dalam surah al-A<sup>r</sup>af ayat 43 iaitu :

لَقَدْ جَاءَتْ رَسُولٌ رَبِّنَا بِالْحَقِّ

Terjemahannya : "sesungguhnya telah datang Rasul-rasul Tuhan kami dengan membawa kebenaran".

3. Ayat ketiga ialah firman Allah s.w.t. dalam surah al-A<sup>r</sup>af ayat 53 iaitu :

لَقَدْ جَاءَتْ رَسُولٌ رَبِّنَا بِالْحَقِّ فَهَلْ لَنَا مِنْ شُفَعَاءٍ فَيُشْفَعُونَا لَنَا

Terjemahannya : "Sesungguhnya telah datang Rasul-rasul Tuhan kami dengan membawa kebenaran, maka adakah untuk kami pemberi syafaat supaya mereka memberi syafaat bagi kami".

4- Ayat keempat ialah firman Allah dalam surah H<sup>ud</sup> ayat 69 iaitu :

وَلَقَدْ جَاءَتْ رَسُولًا إِبْرَاهِيمَ بِالْبُشْرَى قَالُوا سَلَامًا

Terjemahannya : "Dan sesungguhnya telah datang malaikat utusan-utusan kami kepada Nabi Ibr<sup>ah</sup>im, dengan membawa berita yang mengembirakan. Lalu mereka memberi salam dengan berkata: "Salam sejahtera kepadamu (wahai Ibr<sup>ah</sup>im)".

5- Ayat kelima ialah firman Allah s.w.t. dalam surah al-Ankabut ayat 33 iaitu :

وَلَمَّا آتَنَا جَاءَتْ رُسُلُنَا لُوطًا سِنِيَّهُمْ وَضَاقَ بِهِمْ ذُرْعًا

Terjemahannya : "Dan ketika datang utusan-utusan Kami kepada Nabi Lüt, ia merasa dukacita dengan kedatangan mereka, dan merasa tidak terdaya untuk mengawal mereka (dari gangguan kaumnya)"

6. Ayat keenam ialah firman Allah s.w.t. dalam surah Hûd ayat 77 iaitu :

وَلَمَّا جَاءَتْ رُسُلُنَا لُوطًا سِنِيَّهُمْ وَضَاقَ بِهِمْ ذُرْعًا

Terjemahannya : "Dan apabila datang utusan-utusan Kami kepada Nabi Lüt ia merasa dukacita dengan kedatangan mereka, dan merasa tidak terdaya untuk mengawal mereka (dari gangguan kaumnya)".

7. Ayat ketujuh ialah firman Allah s.w.t. dalam surah al-Ankabut ayat 31 iaitu :

وَلَمَّا جَاءَتْ رُسُلُنَا إِبْرَاهِيمَ بِالْمُكَبَّرِي قَالُوا إِنَّا مُهْلِكُو أَهْلِ هَذِهِ الْقُرْيَةِ

Terjemahannya : "Dan ketika datang (malaikat) utusan kami kepada Nabi Ibrâhim dengan membawa berita yang mengembirakan), mereka berkata: "Sebenarnya kami hendak membinasakan penduduk bandar ini)".

8. Ayat kelapan ialah firman Allah s.w.t. dalam surah al-Mâ'idah ayat 32 iaitu :

وَلَقَدْ جَاءَنَّهُمْ رُسُلُنَا

Terjemahannya : "Dan demi sesungguhnya telah datang kepada mereka *rasul-rasul kami*".

9. Ayat kesembilan ialah firman Allah s.w.t. dalam surah Fuṣilat ayat 14 iaitu :

إِذْ جَاءَتْهُمُ الرُّسُلُ مِنْ بَيْنِ أَيْدِيهِمْ

Terjemahannya : "(Mereka ditimpa azab itu) kerana semasa mereka didatangi Rasul-rasul (memberikan berbagai penjelasan)".

10. Ayat kesepuluh ialah firman Allah s.w.t. dalam surah al-A'rāf ayat 37 iaitu :

حَتَّىٰ إِذَا جَاءَتْهُمُ رُسُلًا يَتَوَفَّنُهُمْ قَالُوا أَيْنَ مَا كُنْتُمْ تَدْعُونَ مِنْ دُونِ اللَّهِ

Terjemahannya : "hingga apabila datang kepada mereka utusan-utusan Kami (malaikat) yang mengambil nyawa mereka, bertanyalah malaikat itu (kepada mereka): "Manakah (makhluk-makhluk dan benda-benda) yang kamu sembah selain Allah?".

11. Ayat kesebelas ialah firman Allah s.w.t. dalam surah al-A'rāf ayat 101 iaitu :

وَلَقَدْ جَاءَتْهُمُ رُسُلُنَا بِالْبَيِّنَاتِ فَمَا كَانُوا لِيُؤْمِنُوا بِمَا كَذَّبُوا مِنْ قَبْلِ

Terjemahannya : "sesungguhnya telah datang kepada mereka Rasul-rasul mereka dengan keterangan-keterangan yang nyata (mukjizat), sesudah

itu mereka tidak juga beriman kepada apa yang mereka telah mendustakannya dahulu”.

12. Ayat keduabelas ialah firman Allah s.w.t. dalam surah Yūnus ayat 13 iaitu:

وَجَاءُتْهُمْ رَسُلُهُمْ بِالْبَيِّنَاتِ وَمَا كَانُوا لِيُؤْمِنُوا

Terjemahannya : “padahal telah datang kepada mereka Rasul-rasul mereka membawa keterangan-keterangan, dan mereka masih juga tidak beriman”.

13. Ayat ketigabelas ialah firman Allah s.w.t. dalam surah Ibrāhīm ayat 9 iaitu :

جَاءُتْهُمْ رَسُلُهُمْ بِالْبَيِّنَاتِ فَرَدُوا أَيْدِيهِمْ نَزِيْفًا أَفَوَاهِهِمْ

Terjemahannya : “Mereka telah didatangi oleh rasul-rasul mereka dengan membawa keterangan-keterangan yang nyata, lalu mereka meletakkan tangan mereka ke mulut mereka ”.

14. Ayat keempatbelas ialah firman Allah s.w.t. dalam surah al-Rūm ayat 9 iaitu :

وَعَمَرُوهَا أَكْثَرَ مِمَّا عَمَرُوا هَا وَجَاءُتْهُمْ رَسُلُهُمْ بِالْبَيِّنَاتِ

Terjemahannya : “dan orang-orang itu telah meneroka bumi serta memakmurkannya lebih daripada kemakmuran yang dilakukan oleh mereka,

dan orang-orang itu juga telah didatangi oleh Rasul-rasulnya dengan membawa keterangan-keterangan yang jelas".

15. Ayat kelimabelas ialah firman Allah s.w.t. dalam surah Fâtir ayat 25 iaitu :

جَاءُتْهُمْ رَسُولُهُمْ بِالْبَيِّنَاتِ وَبِالْزُّبُرِ وَبِالْكِتَابِ الْمُبِينِ

Terjemahannya : "mereka telah didatangi Rasul-rasulnya dengan membawa keterangan-keterangan (*mukjizat*) yang nyata dan Kitab-kitab (*nasihat pengajaran*) serta Kitab-kitab (*syariat*) yang terang jelas."

16. Ayat keenambelas ialah firman Allah s.w.t. dalam surah Ghâfir ayat 83 iaitu :

فَلَمَّا جَاءُتْهُمْ رَسُولُهُمْ بِالْبَيِّنَاتِ فَرِحُوا بِمَا عِنْدَهُمْ مِنَ الْعِلْمِ

Terjemahannya : "Kerana pada masa mereka didatangi oleh Rasul-rasul yang diutus kepada mereka dengan membawa keterangan-keterangan (untuk menyelamatkan mereka, mereka mengejek-ejeknya, dan) mereka bergembira dengan pengetahuan yang ada pada mereka (yang mengenai keduniaan semata-mata)"

Jika diperhatikan ayat-ayat di atas maka terdapat lapan kali kata kerja (جَأَتْ) yang dita'ñithkan telah disandarkan kepada kata gantinama (هُمْ). Manakala kata kerja (جَأَتْ) yang dita'ñithkan tanpa disandarkan

kepada mana-mana kata gantinama telah disebut sebanyak enam kali dan hanya sekali sahaja kata kerja (جاء) ditadzhkirkan.

Begitu juga perkataan (رسُل) yang menjadi pelaku bagi kata kerja (جَاءَتْ) telah disebut secara kata nama ma'rifat (khas) sebanyak 14 kali ; 13 kali secara idāfat (sandaran) dan sekali dengan penambahan alif lām ta'rif , tetapi perkataan (رسُل) yang ditadzhirkan kata kerjanya (جاء) tidak pula disebut secara kata nama ma'rifat bahkan dalam keadaan berlawanan iaitu secara kata nama nakirat (am) .

Perkataan (رسُل) adalah jam<sup>c</sup> taksīr kepada kata nama mufrad yang mudhakkar iaitu perkataan (رسُول) yang bermaksud para utusan Allah s.w.t. kepada umat manusia yang kesemuanya terdiri dari golongan lelaki. Oleh kerana itu, sepatutnya penggunaan kata kerjanya adalah dalam bentuk ta'nīth bukannya tadzhīr memandangkan jam<sup>c</sup> taksīr dihukumkan mu'annath. Namun yang berlaku terdapat hanya satu sahaja kata kerjanya yang ditadzhirkan manakala selebihnya dita'nīthkan.

Fenomena ini membangkitkan persoalan kenakah disebut di dalam empat belas ayat kata kerja (جَاءَتْ) bersambung dengan tā' ta'nīth manakala hanya satu ayat sahaja kata kerja (جاء) ditadzhirkan, sedangkan pelakunya ialah perkataan jam<sup>c</sup> taksīr yang sama iaitu (رسُل)?.

Dari segi hukum tatabahasanya kata kerja (جاء) adalah harus ditadzhkirkan atau dita'nihkan kerana dua sebab iaitu :

- (a) Pelakunya adalah perkataan jam<sup>c</sup> taksir yang dihukumkan mu'annath.
- (b) Terdapat pemisah di antara kata kerja dan pelaku dengan kata gantinama seperti kata ganti (كم) pada ayat pertama.

Walaupun begitu jawapan sedemikian tidak memadai bahkan tidak juga memuaskan hati disebabkan masih terdapat desakan mahupun keinginan yang menebal untuk mengetahui sebab kenapa Al-Quran menggunakan kata kerja (جاءت) sebanyak empat belas kali sedangkan kata kerja (جاء) hanya sekali sahaja dengan pelakunya perkataan jam<sup>c</sup> taksir yang sama iaitu (رسل).

Sebab kenapa ayat pertama ditadzhkirkan kata kerjanya ialah kerana konteks ayat tersebut adalah mudhakkir sebagaimana firman Allah s.w.t. dalam surah al-Imrān ayat 181, 182, 183 dan 184 :

لَقَدْ سَمِعَ اللَّهُ قَوْلَ الَّذِينَ قَالُوا إِنَّ اللَّهَ فَقِيرٌ وَنَحْنُ أَغْنِيَاءُ سَنَكِبُ مَا قَالُوا

رَفَقْنَاهُمُ الْأَنْيَاءُ بِغَيْرِ حَقٍّ وَنَقُولُ ذُوقُوا عَذَابَ الْخَرْقَنِ . ذَلِكَ بِمَا قَدَّمْتُ

أَيْدِيكُمْ وَأَنَّ اللَّهَ لَيْسَ بِظَلَامٍ لِلْعَيْنِ . الَّذِينَ قَالُوا إِنَّ اللَّهَ عَهْدُ إِلَيْنَا أَلَا نَوْمَنَ

لِرَسُولِهِ حَتَّى يَأْتِيَنَا بِقَرْبَانٍ تَأْكُلُهُ النَّارُ فَلْ قَدْ جَاءَكُمْ رَسُولٌ مِنْ قَبْلِنَا بِالْبُشْرَاتِ

وَبِالَّذِي قُلْمَ فَلِمَ قَتَلْمُوهُمْ إِنْ كُنْتُمْ صَادِقِينَ . فَإِنَّ كَذَبُوكَ فَقَدْ كَذَبَ رَسُولُ

مِنْ قَبْلِكُمْ جَاءُوكُمْ بِالْبُشْرَاتِ وَالزِّبْرِ وَالْكِتَابِ الْمُنْتَرِ .

Terjemahannya : "Sesungguhnya Allah s.w.t. telah mendengar perkataan orang-orang (Yahudi) yang mengatakan: Bahwasanya Allah s.w.t. miskin dan kami ialah orang-orang kaya. Kami (Allah s.w.t.) akan menuliskan perkataan mereka itu dan perbuatan mereka membunuh Nabi-Nabi dengan tidak ada alasan yang membenarkannya, dan Kami akan katakan kepada mereka: "Rasalah kamu azab seksa yang sentiasa membakar – (Azab seksa) yang demikian itu ialah disebabkan perbuatan yang - telah dilakukan oleh tangan kamu sendiri. Dan (ingatlah), sesungguhnya Allah s.w.t. tidak sekali-kali berlaku zalim kepada hamba-hambanya." Orang-orang (Yahudi itulah) yang berkata: "Sebenarnya Allah s.w.t. telah perintahkan kami, supaya kami jangan beriman kepada seseorang Rasul sehingga ia membawa kepada kami korban yang dimakan api. "Katakanlah (wahai Muhammad): "Sesungguhnya telah datang kepada kamu beberapa Rasul dahulu daripadaku dengan membawa keterangan-keterangan (mukjizat) yang nyata dan dengan (korban) yang kamu membunuh mereka, jika kamu orang-orang yang benar (dalam yang kamu dakwakan itu) ? . Oleh itu, jika mereka mendustakanmu (wahai Muhammad, maka janganlah engkau berduka cita), kerana sesungguhnya Rasul-rasul yang terdahulu daripadamu telah didustakan juga; mereka telah membawa keterangan-keterangan (mukjizat) yang nyata dan Kitab-kitab (nasihat pengajaran), serta Kitab (Syariat) yang terang jelas."

Dengan mengamati ayat-ayat di atas ternyata bahawa kebanyakan perkataan yang terdapat di dalamnya ialah perkataan-perkataan mudhakkir seperti (الْحَرِيقُ), (عَذَابٌ), (الْعَذْبُ), (أَنْبِيَاءُ), (الَّذِينُ), (اللَّهُ'), (الْحَرِيقُ), (عَذَابٌ), (الْعَذْبُ), (أَنْبِيَاءُ), (الَّذِينُ), (اللَّهُ'). Di samping itu terdapat juga kata kerja-kata kerja seperti (أَلَا نُؤْمِنَ), (عَهْدٌ), (نَفُولٌ), (مَا قَالُوا) (سَكَنَتْ), (قَالُوا), (سَمِعَ) (يَأْتِيَنَا) (كُنْتُمْ) dan (كُنْتُمْ) (فَلَمْ تُؤْمِنُمْ), (كُنْجَاعَكُمْ), (قُلْ), (يَأْتِيَنَا).

Jadi, kata nama-kata nama dan kata kerja-kata kerja yang membentuk konteks yang mudhakkar menunjukkan betapa sesuainya kata kerja (جاء) ditadhibkirkan bersama dengan perkataan rasul (رسول).

Seterusnya perkataan (رسُلٌ) itu sendiri telah disebut dua kali dengan dua kata kerja yang ditadkirkan. Pertamanya dengan kata kerja (جَاءَ) iaitu surah Al-<sup>c</sup>Imrān ayat 183 (جَاءَكُمْ رُسُلٌ). Keduanya dengan kata kerja (كَتَبَ) iaitu surah Al-<sup>c</sup>Imrān ayat 184 (كَتَبَ رُسُلٌ). Kemudian terdapat kata kerja lain yang telah diisnādkan (disandarkan) kepada kata gantinama jam<sup>c</sup> bagi perkataan (رسُلٌ) iaitu waw Jamā'ah (جَاعِتْ) bukannya (جَاءَتْ). Hal ini menunjukkan betapa tepatnya kata kerja (جَاءَ) ditadkirkan.

Di samping itu, ***“Audatullāh Manīc*** al-Qaisiy telah mengemukakan pandangan beliau bahawa disebut pola (جاءَتْ) yang bersambung dengan tā' ta'nīth adalah kerana perkataan (رسُلٌ) merupakan jam<sup>c</sup> taksīr yang

mengandungi makna berkumpulan yakni (الْجَمَاعَةُ). Oleh kerana ia mempunyai makna (الْجَمَاعَةُ) maka perkataan (رَسُولٌ) disebut secara ma<sup>c</sup>rifat (khas) sama ada dengan idāfat (إضافَة) seperti (رَسُولٌ رَّسُولُهُمْ رَسُولُنَا) atau dimasuki (أَلِلَّهِ الرَّسُولُ) seperti (رَبُّنَا)<sup>1</sup>.

Manakala pola kata kerja (جَاءَ) yang tidak dimasuki tā' ta'nīth pada ayat (فَتَجَاءُكُمْ رَسُولٌ) kerana perkataan (رَسُولٌ) tidak mengandungi makna (الْجَمَاعَةُ) sebaliknya mengandungi makna al-jam<sup>c</sup> (الْجَمْعُ) kerana ia telah disebut secara kata nama nakirat tanpa disandarkan dengan sebarang kata gantinama atau ditambah dengan alif dan lām ta'rīf maka sebab itulah kata kerjanya ditadhibkirkan.

Inilah jawapan kenapa berlaku perbezaan penggunaan tadhkīr dan ta'nīth pada kata kerja (جَاءَ) dan (جَاءَتْ) di dalam ayat-ayat di atas yang menunjukkan betapa ayat-ayat Allah s.w.t. begitu teliti dan penuh dengan rahsia-rahsia bahasa yang mendalam.

Penjelasan ini juga menonjolkan keistimewaan Al-Quran dari sudut persamaan, kesesuaian dan susunan perkataan-perkataan dan huruf-hurufnya.

<sup>1</sup> <sup>c</sup>Audatullāh Manī<sup>c</sup> al-Qaisiy. Sir al-I'jaz fi Tanawwu<sup>c</sup> al-Siyagh al-Musytaqqat min Aṣl Lughawwi Wahid fi Al-Qur'an. Hal. 62-63.

#### 4.3 Pelaku Jam<sup>c</sup> Mu'annath Sālim

Terdapat satu pelaku perkataan jam<sup>c</sup> mu'annath sālim yang kata kerjanya telah ditadhib dan ditanahkan. Perkataan tersebut ialah :

##### 4.3.1 Perkataan al-Bayyināt (البيانات) dan kata kerja Jā'a.

Perkataan (البيانات) yang menjadi pelaku kepada kata kerja (جاء) telah disebut sebanyak tujuh kali dalam Al-Quran, tiga kali kata kerjanya ditadhibkan dan empat kali kata kerjanya ditanahkan. Ayat-ayat tersebut ialah :

1. Ayat pertama ialah firman Allah s.w.t. dalam surah al -'Imrān ayat 86 iaitu :

كَيْفَ يَهْدِي اللَّهُ قَوْمًا كَفَرُوا بَعْدَ إِيمَانِهِمْ وَشَهَدُوا أَنَّ الرَّسُولَ حَقٌّ وَجَاءُهُمُ الْبَيِّنَاتُ

Terjemahannya : "Bagaimana Allah akan memberi petunjuk hidayah kepada sesuatu kaum yang kufur ingkar sesudah mereka beriman, dan juga sesudah mereka menyaksikan bahawa Rasulullah (Nabi Muhammad) itu adalah benar, dan telah datang pula kepada mereka keterangan-keterangan yang jelas nyata."

2. Ayat kedua ialah firman Allah s.w.t. dalam surah al -'Imrān ayat 105 iaitu :

وَلَا تَكُونُوا كَالَّذِينَ نَفَرُوا وَأَخْتَلُفُوا مِنْ بَعْدِ مَا جَاءُهُمُ الْبَيِّنَاتُ

Terjemahannya : "Dan janganlah kamu menjadi seperti orang-orang (Yahudi dan Nasrani) yang telah berceri-berai dan berselisihan (dalam ugama mereka) sesudah datang kepada mereka keterangan-keterangan yang jelas nyata (yang dibawa oleh Nabi-nabi Allah".

3. Ayat ketiga ialah firman Allah s.w.t. dalam surah Ghâfir ayat 66 iaitu:

لَمَّا جَاءَنِي الْبَيِّنَاتُ مِنْ رَّبِّيٍّ

Terjemahannya : "setelah datang kepadaku keterangan-keterangan yang jelas nyata dari Tuhanku "

4. Ayat keempat ialah firman Allah s.w.t. dalam surah al-Baqara ayat 213 iaitu:

وَمَا اخْتَلَفَ فِيهِ إِلَّا الَّذِينَ أُوتُوهُ مِنْ بَعْدِ مَا جَاءَهُمُ الْبَيِّنَاتُ بَعْدًا بِنَهْمَمٍ

Terjemahannya : "dan (sebenarnya) tidak ada yang melakukan perselisihan melainkan orang-orang yang telah diberi kepada mereka Kitab-kitab Suci itu, iaitu sesudah datang kepada mereka keterangan-keterangan yang jelas nyata, - mereka berselisih semata-mata kerana hasad dengki sesama sendiri".

5. Ayat kelima ialah firman Allah s.w.t. dalam surah al-Baqara ayat 209 iaitu :

فَإِنْ زَلَّتُمْ مِنْ بَعْدِ مَا جَاءَكُمُ الْبَيِّنَاتُ فَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ عَزِيزٌ حَكِيمٌ

Terjemahannya : "Maka kalau kamu tergelincir (dan jatuh ke dalam kesalahan disebabkan tipu daya Syaitan itu), sesudah datang keterangan-keterangan yang jelas kepada kamu, maka ketahuilah bahwasanya Allah Maha Kuasa, lagi Maha Bijaksana".

6. Ayat keenam ialah firman Allah s.w.t. dalam surah al-Baqarat ayat 253 iaitu:

وَلَوْ شَاءَ اللَّهُ مَا قُتِلَ الظَّرِينَ مِنْ بَعْدِهِمْ مِنْ جَاهَتِهِمُ الْيَتَامَاتُ

Terjemahannya : "Dan sekiranya Allah menghendaki nescaya orang-orang yang datang kemudian daripada Rasul-rasul itu tidak berbunuh-bunuhan sesudah datang kepada mereka keterangan-keterangan (yang dibawa oleh Rasul mereka)".

7. Ayat ketujuh ialah firman Allah s.w.t. dalam surah an-Nisā' ayat 153 iaitu:

ثُمَّ اتَّخَذُوا الْعِجْلَ مِنْ بَعْدِ مَا جَاءَتْهُمُ الْيَتَامَاتُ

Terjemahannya : "kemudian mereka pula menyembah (patung) anak lembu sesudah datang kepada mereka keterangan-keterangan (mukjizat), "

Berdasarkan ayat-ayat di atas timbul lagi persoalan kenapakah kata kerja (جَاءَتْ) yang dita'nîthkan telah disebut di dalam Al-Quran sebanyak empat kali sedangkan kata kerja (كَانَ) yang ditadâhkîrkan hanya terdapat tiga

kali sahaja walaupun pelaku bagi kedua-dua kata kerja ini adalah perkataan yang sama iaitu perkataan (البيانات) ? .

Daripada aspek sintaksis, penggunaan ta'nīth kata kerja (جاءت) yang pelakunya perkataan (البيانات) adalah menepati kaedah asal berdasarkan pandangan ulama nahu aliran Basrah. Ini kerana perkataan (البيانات) adalah jam<sup>c</sup> mu'annath sālim. Jadi, kata kerja yang digunakan bersama dengan jam<sup>c</sup> mu'annath sālim sepatutnya dita'nīthkan.

Adapun penggunaan tadhkīr kata kerja ( جاء ) yang pelakunya perkataan (البيانات) adalah harus mengikut pandangan ulama nahu aliran Kufah. Tambahan pula terdapatnya pemisah di antara kata kerja dan pelakunya dengan kata gantinama ( هم ) dan ( هي ).

Kedua-dua penggunaan ini telah disebut di dalam Al-Quran. Oleh itu, persoalan ini memerlukan alasan atau huraian lebih mendalam tentang apakah rahsia atau punca kedua-dua penggunaan tadhkīr dan ta'nīth kata kerja digunakan?.

Pertamanya, perkataan (البيانات) yang ditadhhirkkan kata kerjanya dalam ayat pertama (surah al-`Imrān ayat 86) telah disebut dalam situasi mudhakkār, ini berdasarkan kepada dua ayat sebelumnya ( ayat 84 dan ayat 85 ), firman Allah s.w.t. daam surah al-`Imrān ayat 84 dan 85 :

قُلْ آمَنَّا بِاللَّهِ وَمَا أُنزِلَ عَلَيْنَا وَمَا أُنزِلَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَإِسْمَاعِيلَ وَإِسْحَاقَ وَيَعْقُوبَ وَالْأَسْبَاطِ  
 وَمَا أُوتِيَ مُوسَى وَعِيسَى وَالنَّبِيُّونَ مِنْ رَبِّهِمْ لَا تَفَرَّقُ بَيْنَ أَحَدٍ مِنْهُمْ وَنَحْنُ لَهُ مُسْلِمُونَ . وَمَنْ  
 يَتَّبِعْ غَيْرَ الْإِسْلَامِ فَإِنَّمَا كُلُّنَا يُقْبَلُ مِنْهُ وَهُوَ فِي الْآخِرَةِ مِنَ الْحَاسِرِينَ .

Terjemahannya : "Katakanlah (wahai Muhammad): "Kami beriman kepada Allah s.w.t., dan kepada apa yang telah diturunkan kepada kami, dan kepada apa yang telah diturunkan kepada Nabi-Nabi: Ibrahim, dan Ismail, dan Ishak, dan Yaakub, dan keturunannya, dan kepada apa yang telah diberikan kepada Nabi-Nabi: Musa dan Isa, dan sekalian Nabi-Nabi dari Tuhan mereka. Kami tidak membeza-bezakan seseorang pun di antara mereka, dan kepada Allah s.w.t. jualah kami berserah diri (Islam)". Dan sesiapa yang mencari ugama selain ugama Islam, maka tidak akan diterima daripadanya, dan ia pada hari akhirat kelak dari orang-orang yang rugi".

Terdapat lapan perkataan mudhakkir yang kebanyakannya adalah nama-nama para nabi seperti (إِبْرَاهِيمَ), (إِسْمَاعِيلَ), (إِسْحَاقَ), (يَعْقُوبَ), (مُوسَى) dan (عِيسَى). Di samping itu terdapat juga empat kata kerja mudhakkir iaitu (أَنْزَلَ), (أَوْتَى), (يَتَّبِعْ) dan (يُقْبَلُ). Jadi, perkataan-perkataan ini telah membentuk konteks ayat yang mudhakkir. Oleh itu, amat sesuai sekali kata kerja (جَاءَ) ditadhibkan dalam ayat ini .

Kedua, daripada aspek makna maksud apa yang diturunkan kepada para nabi ialah al-kitāb, perkataan al-kitāb adalah mudhakkar. Kemudian terdapat pada ayat 85 perkataan mudhakkar lain iaitu (الْإِسْلَامُ). Justeru itu, al-Bayyināt yang dimaksudkan ialah al-Kitāb atau al-Islām atau kedua-duanya sekali, kedua-dua perkataan ini adalah mudhakkar. Oleh itu, kata kerja (جَاءَ) ditadzhkirkan supaya bertepatan dengan maknanya yang mudhakkar.

Menyentuh mengenai pada ayat kedua (surah āl-‘Imrān ayat 105) yang mengandungi perkataan al-Bayyināt, Al-Fakhrurrāziy berpendapat bahawa ayat ini merupakan amaran kepada orang-orang yang beriman supaya tidak bersikap seperti Ahlul Kitab iaitu melontarkan kekeliruan terhadap ayat-ayat dan mengeluarkan tafsiran yang rosak kepada ayat-ayat tersebut, dan janganlah menjadi seperti orang-orang yang berpecah-belah dan bertelingkah dari kalangan Ahlul Kitab selepas datang kepada mereka keterangan-keterangan di dalam Taurat dan Injil.<sup>1</sup>

Huraian di atas menunjukkan bahawa perkataan al-Bayyināt memberi maksud al-Kitāb atau merujuk kepada kitab Taurat dan Injil. Oleh itu, amat sesuai sekali kata kerjanya ditadzhkirkan. Dalam ayat ini, makna perkataan telah diutamakan berbanding dengan lafaż perkataan dan perkara seperti ini banyak terdapat di dalam A-Quran Al-Karim.

---

<sup>1</sup> Al-Fakhrurrāziy. *Tafsīr al-Kabīr (Mafatīh al-Ghaib)* Jil. 8. Hal. 169.

Di samping itu, jika dilihat secara teliti kedua-dua penggunaan tadhkir kata kerja (جَاءَ) untuk pelakunya (البَيْنَاتُ ) (ayat pertama dan kedua ) terdapat di dalam surah Al-<sup>c</sup>Imrān, manakala ketiga-tiga penggunaan ta'ñith kata kerja (جَعَلَ) untuk pelakunya (البَيْنَاتُ ) 9 ayat keempat, kelima dan keenam ) terdapat di dalam surah al-Baqarat.

Kedudukan ayat-ayat ini, bukanlah satu kebebuian sebaliknya benar-benar menunjukkan tahap ketelitian dan keseragaman yang amat tinggi di dalam Al-Quran.

Ketiganya, penggunaan tadhkir kata kerja dalam surah Ghāfir ayat 66 adalah kerana perkataan al-Bayyināt bermaksud al-Kitāb iaitu Al-Quran yang diwahyukan kepada Nabi Muhammad s.a.w. Oleh kerana perkataan al-kitab adalah mudhakkir maka amat sesuai kata kerjanya ditadzhirkankan.

Manakala penggunaan ta'ñith kata kerja pada keempat-empat ayat yang berikutnya penulis berpendapat bahawa ianya berdasarkan kaedah asal dalam persoalan jam<sup>c</sup> mu'annath sālim seperti yang dikemukakan oleh ulama nahu aliran Basrah bahawa kata kerja mestiah dita'ñithkan dengan pelaku jam<sup>c</sup> mu'annath sālim.

#### 4.4 Pelaku Ism Jam<sup>c</sup>

Terdapat satu pelaku perkataan ism jam<sup>c</sup> yang kata kerjanya telah ditadkir dan dita'nithkan. Perkataan tersebut ialah :

##### 4.4.1 Perkataan Qaum (قوم) dan kata kerja Kadhdhaba.

Perkataan (قوم) telah disebut dengan kata kerja (كذب) sebanyak lapan kali dalam Al-Quran. Sekali kata kerjanya ditadkirkan dan tujuh kali dita'nithkan. Ayat-ayat tersebut ialah :

1. Ayat pertama ialah firman Allah s.w.t. dalam surah al-Anām ayat 66 iaitu:

وَكَذَّبُ بِهِ قَوْمٌ

Terjemahannya : "Kaum engkau mendustakan ayat-ayat ini, padahal ia suatu kebenaran".

2. Ayat kedua ialah firman Allah s.w.t. dalam surah as-Syū'arā' ayat 105 iaitu:

كَذَّبَتْ قَوْمٌ نُوحَ الْمُرْسَلِينَ

Terjemahannya : "Kaum Nūh telah mendustakan para rasul".

3. Ayat ketiga ialah firman Allah s.w.t. dalam surah as-Syū'arā' ayat 160 iaitu:

كَذَّبَتْ قَوْمٌ لُوطَ الْمُرْسَلِينَ

Terjemahannya : “(Demikian juga) kaum Nabi Lut telah mendustakan Rasul-rasul (yang diutus kepada mereka).”

4. Ayat keempat ialah firman Allah s.w.t. dalam surah Ṣād ayat 12 iaitu :

كَذَّبُتْ قَبْلَهُمْ قَوْمٌ نُوحٌ وَعَادٌ وَفِرْعَوْنٌ ذُرُ الْأَوْتَادِ

Terjemahannya : “Sebelum mereka itu, kaum Nabi Nūḥ, dan Ḥād (kaum Nabi Hūd), serta Fir'aun yang mempunyai kerajaan yang kuat, telah juga mendustakan Rasul masing-masing.”

5. Ayat kelima ialah firman Allah s.w.t. dalam surah Ghāfir ayat 5 iaitu:

كَذَّبُتْ قَبْلَهُمْ قَوْمٌ نُوحٌ وَالْأَخْرَابُ مِنْ بَعْدِهِمْ

Terjemahannya : “Sebelum mereka, kaum Nabi Nūḥ dan puak-puak yang bergabung - sesudah kaum Nabi Nūḥ itu - telah mendustakan (Rasul-rasulnya) ”.

6. Ayat keenam ialah firman Allah s.w.t. dalam surah Qāf ayat 12 iaitu :

كَذَّبُتْ قَبْلَهُمْ قَوْمٌ نُوحٌ وَأَصْحَابُ الرَّسُولِ وَثَمُودٌ

Terjemahannya : “Sebelum mereka (yang menentang Nabi Muḥammad) itu - kaum Nabi Nūḥ, dan "Ashabur-Rassi" serta Thamūd (kaum Nabi Sōleḥ), telah juga mendustakan Rasul masing-masing,”

7. Ayat ketujuh ialah firman Allah s.w.t. dalam surah al-Qamar ayat 9 iaitu:

كَذَّبُتْ قَبْلَهُمْ نُوحٌ فَكَذَّبُوْا عَبْدَنَا وَقَالُوا مَحْتُونٌ وَأَزْدْجَرٌ

Terjemahannya : "Sebelum mereka, kaum Nabi Nūh juga telah mendustakan (Rasulnya); iaitu mereka mendustakan hamba Kami (Nabi Nūh) serta mereka menuduhnya dengan berkata: "ia seorang gila"; dan ia telah diancam (dan dihalang daripada menjalankan dakwah ugama)."

8. Ayat kelapan ialah firman Allah s.w.t. dalam surah al-Qamar ayat 33 iaitu :

كَذَّبُتْ قَوْمٌ لُّوطٌ بِالنُّذُرِ

Terjemahannya : "(Demikian juga) kaum Nabi Lūt telah mendustakan peringatan dan amaran (yang disampaikan oleh Rasulnya)."

Dengan membandingkan kedua-dua bentuk penggunaan tadhkir dan ta'nith kata kerja (كَذَّبَ) dan (كَذَّبُتْ) untuk pelaku perkataan (قَوْمٌ), maka persoalan yang sama akan timbul iaitu kenapakah Al-Quran menggunakan kedua-dua bentuk penggunaan tersebut, sekali secara tadhkir dan tujuh kali secara ta'nith. Apakah rahsia di sebalik kedua-dua penggunaan ini ?.

Hukum penggunaan tadhkir dan ta'nith kata kerja (كَذَّبَ) dengan pelakunya perkataan (قَوْمٌ) adalah harus daripada aspek sintaksis kerana dua sebab iaitu :

- (a) Ta'nith perkataan (قَوْمٌ) adalah tidak haqiqiy.
- (b) Terdapat pemisah di antara kata kerja dan pelakunya seperti (عَنْ) dan (قَبْلَهُمْ).

Walaupun kedua-dua alasan boleh diterima tetapi memandangkan fenomena tadhkir dan ta'niyah kata kerja ( كَذَبْ ) dengan pelakunya ( قُرْمُ ) telah disebut dalam Al-Quran kedua-duanya sekali, maka penjelasan yang lebih terperinci perlu untuk menyerlahkan lagi keistimewaan uslub A-Quran.

Penjelasannya ialah kata kerja ( كَذَبْ ) yang ditadzhirkkan dalam ayat pertama telah disebut dalam konteks mudhakkir seperti yang terdapat dalam ayat sebelumnya iaitu surah al-An'am ayat 65, Allah s.w.t. berfirman :

قُلْ هُوَ الْقَادِرُ عَلَىٰ أَنْ يَعْلَمَ عَذَابًا مِّنْ فُورُكُمْ أَوْ مِّنْ تَحْتِ أَرْجُلِكُمْ أَوْ يُلْسِكُمْ شَيْئًا

وَيُنِيبِقُ بَعْضَكُمْ بِأَسْبَاعٍ بَعْضٌ انْظُرْ كَيْفَ نُصَرِّفُ الْآيَاتِ لَعَلَّهُمْ يَفْهَمُونَ

Terjemahannya "Katakanlah: "Dia lah yang berkuasa menghantar kepada kamu azab seksa (bala bencana), dari sebelah atas kamu, atau dari bawah kaki kamu, atau ia menjadikan kamu bertentangan dan berpecah-belah - berpuak-puak, dan ia merasakan sebahagian daripada kamu akan perbuatan ganas dan kejam sebahagian yang lain". Perhatikanlah bagaimana Kami menjelaskan ayat-ayat keterangan (yang menunjukkan kebesaran Kami) dengan berbagai cara, supaya mereka memahaminya".

Dalam ayat di atas terdapat tiga perkataan mudhakkir iaitu ( هُوَ ), ( الْقَادِرُ ) dan ( عَذَابًا ). Terdapat juga tiga kata kerja yang ditadzhirkkan iaitu ( يُنِيبِقُ ) dan ( يُلْسِكُمْ ) ( يَعْلَمَ ) . Kesemua perkataan-perkataan ini telah membentuk konteks yang mudhakkir dan telah mempengaruhi kata kerja ( كَذَبْ ) supaya ditadzhirkkan.

Daripada aspek makna , seperti yang dihuraikan oleh kebanyakan ulama nahu mengenai tadhkir dan ta'nith kata kerja dengan pelaku ism jam<sup>c</sup> bahawa keharusan penggunaan tadhkir adalah berdasarkan makna (الجُمْعُ ) manakala penggunaan ta'nith berdasarkan makna (الجَمَاعَةُ ) .

Manakala penggunaan ta'nith kata kerja (كُنْتُ ) dengan pelakunya (قُوْمٌ ) pada tujuh ayat yang lain menunjukkan bahawa penggunaan ta'nith kata kerja adalah lebik elok dan baik dengan pelaku ism jam<sup>c</sup> .

Namun, ini tidaklah bermakna penggunaan tadhkir kata kerja dengan pelaku ism jam<sup>c</sup> kurang elok sedikit. Bahkan dalam ayat pertama (surah al-An'ām ayat 66 ) adalah elok dan baik sekali. Ini menunjukkan kelapan-lapan ayat penggunaan tadhkir dan ta'nith kata kerja dengan pelaku ism jam<sup>c</sup> dalam Al-Quran elok dan sesuai pada tempat dan kedudukannya kerana Al-Quran adalah Kalamullāh.